

SEJARAH PERKEMBANGAN MASYARAKAT MINANGKABAU
DAERAH ALOR GAJAH
MELAKA

(1510 an - 1960 an)

SITI KALSUM BT. MUHAMMAD JUNID

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sejarah.

Keseluruhan daripada Latihan Ilmiah ini ditulis dengan perkataan saya sendiri, melainkan nukilan- nukilan yang mana saya telah akui tiap-tiap satunya".

kasihku abadi dan sentiasa tersemat di hati
untuk

ibu dan ayah

serta

saudara-saudara perempuanku: Syah
Sarah
Mah

dan

saudara-saudara lelakiku : Arof
Ja'ir
Amat
Aim

serta

saudara iparku : Esa
Ziki
Mian
Yati

Tidak kulupakan jua kasihku

untuk rakan tersayang : Lela
Syikin
Ony

disamping : Chik Nab
Along Tim
Chot Teh

Semuga kasih sayang kan kekal abadi.

dari CTERIS.

....

KANDUNGAN

SINOPSIS		
PRAKATA		
SENARAI KEPENDIKAN		
PENDAHULUAN		
 BAB I		
SEJARAH AWAL		
i	Kedudukan am	 I
ii	Asal usul nama Alor Gajah	 13
iii	Hubungan awal Naning dengan penjajah	 15
	Gambaran awal secara am	 15
	A. Naning semasa kerajaan Melayu Melaka	 16
	B. Hubungan Naning dengan Portugis	 20
	C. Hubungan Naning dengan Belanda	 28
	D. Hubungan Naning dengan British	 39
 Bab 2		
BAHAGIAN SOSIAL		
i	Gambaran umum masakini	 53
ii	Asal usul Masyarakat Melayu Alor Gajah	 57
iii	sebab-sebab penghijrahan	 69
iv	Wilayah Adat Perpatih Naning	 71
v	Sejarah awal adat perpatih	 74
vi	Konsep-konsep am adat perpatih	 77
vii	Susunan masyarakat Melayu dalam Wilayah Adat Perpatih Naning	 89
viii	Perbandingan antara Adat Perpatih dengan Adat Temenggung	 101

Bab 3

BAHAGIAN EKONOMI

A	Zaman Tradisional	
a	Zaman penjajahan Portugis	104
	Pertanian	106
i	Padi	107
ii	Sirih	108
iii	Hasil sampingan	109
b	Zaman penjajahan Belanda	110
i	Padi	111
ii	Lada hitam	112
iii	Sirih	114
iv	Bijih timah	116
B	Zaman Kolonial	118
i	Padi	120
ii	Ubi kayu dan gambir	125
iii	Getah	128
iv	Bijih timah	132
v	Emas	136
vi	Syarikat perniagaan	136
vii	Pekan sehari	138
viii	Hasil sampingan	141
C	Zaman selepas merdeka	142
i	Padi	145
ii	Getah	149
iii	Perindustrian	151

BAB 4 BAHAGIAN PENTADBIRAN

	Gambaran umum		153
A	Zaman tradisional		155
i	Penghulu		167
ii	Lembaga		167
iii	Buapak		170
iv	Anak buah		172
v	Menteri dan panglima		173
B	Zaman kolonial British		175
i	Penghulu Wilayah Adat Perpatih		178
ii	Pegawai Daerah		183
iii	Demang		187
iv	Penghulu mukim		188
v	Lembaga		193
vi	Sidang		200
vii	Imam, Khatib, Mungkin dan Bilal		201
C	Zaman selepas merdeka		201
i	Pegawai Daerah		202
ii	Penghulu		203
iii	Sidang		205
	KESIMPULAN		207
	BIBLIOGRAFI		217
	LAMPIRAN		226

GAMBAR

1	Tabuh	Hal.... 9a
2	Pekan Alor Gajah	14a
3	Kubur tentera British	38a
4	Makam Dol Said	52a
5	Masjid Tabuh	52a
6	Kawasan Bukit Penyilang	159a
7	Undang Wilayah Adat Perpatih Naning	...160a
8	Bendera suku-suku di Naning	160b
9		160c
10	Balai Undang Naning	
11	Pejabat Daerah Alor Gajah	186a
12	Meriam zaman British	186b
13	Tugu Peringatan kemerdekaan	206a
14	Kata-kata di Tugu Peringatan sempena kemerdekaan	...206b

PETA

1a1	Daerah-daerah di Melaka
71b	Daerah Alor Gajah dan Wilayah Adat Perpatih Naning
2a	Saliran di Alor Gajah
49a	Kawasan padi di Alor Gajah pada tahun 1960an
152a	Kawasan perindustrian di Alor Gajah berdasarkan saiz penduduk
153b	Lebuhraya Utara - Selatan yang melintasi Alor Gajah
153c	

LAMPIRAN

1	Jumlah penduduk Alor Gajah pada tahun 1832
1i	Jumlah penduduk Alor Gajah pada tahun 1891
111	Jumlah penduduk Alor Gajah pada tahun 1970
Iv	Perjanjian Naning - British 1801.
V	Geran mukim bagi pesaka perolehan
VI	Geran mukim bagi pesaka warisan
V11	Perlembagaan Negeri Melaka
V111	Contoh surat resmi penghulu mukim
Ix	Peta Negeri Melaka secara keseluruhannya.

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini ditulis adalah bertujuan untuk mengkaji asal usul masyarakat Melayu di daerah Alor Gajah, Melaka. Ini disebabkan ianya berkaitan rapat dengan masyarakat Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan. Untuk tujuan tersebut kajian terpaksa dikaji dari tahun awal kedatangan orang Minangkabau ke-Melaka dan seterusnya kebudayaan yang dibawa oleh mereka. Bagi melihat perkembangan yang lebih mendalam, kajian dilakukan keatas perkembangan sejarah awal, sosial, ekonomi dan pentadbiran sejak dari awal iaitu zaman tradisional sehingga selepas merdeka. Secara umum dengan cara tersebut akan dapat dilihat perkembangan masyarakat dan Alor Gajah sendiri secara lebih jelas lagi. Oleh kerana itu tempuh kajian ini adalah bermula dari abad ke-15 sehingga abad ke 20 atau lebih tepat lagi ialah antara 1510an sehingga 1960 an.

PRAKATA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

SEGALA PUJI-PUJIAN BAGI ALLAH YANG MAHA PEMURAH
LAGI MAHA PENYAYANG.
KEHADANYA AKU DATANG DAN KEPANYA JUA AKU KEMBALI
SEMUGA SEGALA USAHAKU DIBERKATI OLEHNYA.

Terlebih dahulu penulis ingin merakamkan segala ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Kobkua Suwannathat- Pian yang telah sudi memberi tunjuk ajar, bimbingan dan kritikan terhadap Latihan Ilmiah ini. Selaku Penyelia , segala pandangan dan ide yang dicurahkan akan sentiasa dikenang dan dihargai.

Disamping itu, penulis juga tidak melupakan jasa-jasa baik kaki- tangan Perputakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Melaka, Muzium Melaka, Pejabat Perancang dan pelaksana Negeri Melaka dan terutamanya Pejabat Daerah Alor Gajah. Penulis mengucapkan jutaan terima- kasih diatas segala bantuan dan kemudahan yang telah diberikan bagi menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Akhir sekali penulis juga sangat terhutang budi kepada Datuk Undang Naning, Datuk Mohd Shah bin Said, Encik Jalil bin Osman, Encik Aziz bin Johar dan semua responden yang telah sudi dan penuh ikhlas memberikan kerjasama kepada penulis. Terima kasih juga tidak lupa ditujukan kepada Ketua Jabatan Sejarah, Encik Ahmat Adam yang begitu mengambil berat tentang kami dan memberi bantuan dalam menyelesaikan segala masalah terutama berhubung dengan kenderaan ke Arkib Negara Malaysia.

Segala kekurangan dan kelemahan yang terdapat di dalam Latihan Ilmiah ini adalah tanggungjawab penulis sendiri dan diharap sedia maklum.

Sekian, Wassallam.

5 hb, April 1984.

... CTBRIS....

SITI KALSUM MUHAMMAD JUNID,
Kampung Berisu,
Lubuk China,
Melaka.

SENARAI KEPENDEKAN

AOM	Agriculture Office Malacca.
Bil.	Bilangan.
DIDM	Drainage and Irrigation Department Malacca.
Hal.	Halaman.
JAMBRAS	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.
JIAEA	Journal of the Indian Archipelego and Eastern Asia.
JSBRAS	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.
MAR	Malacca Annual Report.
No.	Nombor.
Vol.	Volume.

PENDAHULUAN.

Kajian mengenai Naning telah lama menarik minat pengkaji-pengkaji samada pengkaji barat^I ataupun pengkaji tempatan.² Walau bagaimana pun kebanyakan kajian tersebut secara amnya adalah berkisar soal adat dan Perang Naning pada tahun 1831-2. Dalam latihan ilmiah ini, penulis tetap akan menyentuh aspek-aspek tersebut kerana ianya sememangnya merupakan perkara yang penting dalam kajian mengenai Naning. Namun apa yang lebih ditekankan oleh penulis ialah tinjauan mengenai perkembangan masyarakat Melayu di Alor Gajah dan penubuhannya sehinggalah kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang zaman penjajahan dan seterusnya zaman selepas kemerdekaan. Tinjauan ini dibuat dalam semua aspek iaitu sejarah awal, sosial, ekonomi dan pentadbiran. Dengan itu dapat dilihat sejauh mana penglibatan masyarakat Melayu dalam sektor tersebut.

(i) Tujuan kajian.

Penulis akan membincangkan dua perkara yang penting iaitu pertama ialah melihat secara umum perkembangan yang berlaku

^I Antara pengkaji barat yang menulis mengenai Naning ialah seperti C.O. Blagden, "Minangkabau Custom-Malacca", JMBRAS, Vol.8, Part II, Singapore, 1930, J.L. Humphrey, "A Naning Wedding Speech", JSBRAS, May, 1916, Singapore, 1916 dan Shahba, Pesaka Naning, Sentosa Store, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 1951.

² Pengkaji tempatan yang mengkaji sejarah Naning ialah seperti Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Hikayat Abdullah, Djambatan, Jakarta, 1953. dan penulis-penulis untuk kajian latihan ilmiah peringkat sarjana seperti Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara, Latihan ilmiah untuk Sarjana, Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.

di Alor Gajah sejak dari awal tahun pembukaannya sehingga selepas zaman kemerdekaan. Kedua ialah meninjau perkembangan masyarakat Melayu secara mendalam di Wilayah Adat Perpatih Naning iaitu masyarakat yang mengamalkan adat perpatih di dalam daerah Alor Gajah. Kajian yang dikaji meliputi segala bidang iaitu sejarah awal, sosial, ekonomi dan pentadbiran.

Sebenarnya penulis ingin melihat dengan lebih jelas sebab-sebab Alor Gajah yang pada zaman tradisional bernama 'Naning' menjadi pilihan utama penempatan orang-orang Minangkabau daripada Sumatera. Oleh kerana itu ianya perlu dikaji sejak dari awal lagi iaitu bila ianya dibuka dan pecanggahan pendapat mengenainya. Untuk melihat perkembangannya secara umum adalah agak sukar kerana ianya memerlukan masa yang panjang. Oleh itu penulis mengecilkan daerah kajian kepada Wilayah Adat Perpatih Naning saja dan tumpuan yang diberikan adalah kepada masyarakat Melayu. Bagi mengetahui perkembangan masyarakat Melayu, perkembangan sejak awal lagi adalah diperlukan. Justeru kerana itu, tahun kajian yang dipilih terpaksa diambil dari tahun awal lagi iaitu sejak 1500 an sehingga selepas tahun 1900an. Hanya dengan cara ini, perkembangan dapat dilihat secara lebih jelas lagi walaupun secara am.

(ii) Bidang kajian.

Faktor utama penulis memilih dan menulis mengenai Alor Gajah ialah kerana kelebihan dan keistimewaan yang dimilikinya berbeza dengan daerah-daerah lain di Melaka. Keistimewaan di sini ialah mengenai soal adat yang terdapat di Alor Gajah ini. Daerah Alor Gajah ini mempunyai dua kawasan pengaruh adat iaitu kawasan yang mengamalkan adat perpatih dinamakan Wilayah Adat Perpatih Naning dan kawasan yang tidak mengamalkan adalah seperti kawasan lain di Melaka. Oleh sebab mukim yang menganut adat perpatih adalah lebih banyak dari mukim yang tidak mengamalkannya, maka daerah Melaka Utara lebih dikenali sebagai kawasan adat perpatih di Melaka. Di sinilah letaknya kelainan Melaka Utara daripada kawasan lain di Melaka. Keadaan ini menjadi lebih jelas setelah ditinjau perbezaan dari berbagai sudut dan aspek.

Penulis terpaksa meninjau dari tahun awalan lagi untuk menunjukkan bahawa Alor Gajah pada masa kini pernah mempunyai hubungan dengan Negeri Sembilan. Malahan penduduk Negeri Sembilan pada hari ini adalah berasal dari penduduk Minangkabau yang pada awalnya membuat penempatan di Alor Gajah. Di sini menunjukkan bahawa Alor Gajah yang pada zaman tradisional bernama 'Naning' mempunyai hubungan yang rapat dengan Negeri Sembilan. Naning juga merupakan salah sebuah negeri yang membentuk 'Negeri Sembilan asal' dan bersama-sama berada di bawah naungan negeri Johor pada zaman Portugis.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa Naning mempunyai lebih banyak persamaan dengan Negeri Sembila dari daerah-daerah lain di Melaka. Persamaan ini meliputi berbagai aspek seperti kebudayaan, sosial, ekonomi, agama, sejarah awal kecuali bahagian pentadbiran. Pentadbiran Naning telah diselaraskan dengan pentadbiran daerah-daerah lain di Melaka dan dikelolakan oleh pemerintah pusat di bandar Melaka.

Secara lebih jelas lagi, bidang kajian yang dilakukan adalah luas iaitu meliputi segalanya yang dianggap penting dan dapat menunjukkan perkembangan Alor Gajah. Oleh kerana itulah maka tahun kajian yang dilakukan juga adalah panjang iaitu bermula dari abad ke 15 sehingga abad ke 20. Dengan cara ini perkembangan yang ingin ditinjau akan menjadi lebih jelas dan diketahui pada tahap mana perkembangan bermula dan corak yang dicapainya.

Disamping itu penulis ingin menunjukkan polisi atau dasar yang dijalankan oleh penjajah di Melaka khasnya di Alor Gajah di dalam segala aspek. Ianya kemudian dibandingkan dengan polisi kerajaan selepas merdeka dan dari situ dapat dibuat perbandingan baik dari sudut pandangan negatif atau pun positif. Apa yang perlu ialah untuk melihat tahap-tahap perkembangan yang berlaku dalam berbagai zaman pemerintahan di daerah Alor Gajah.

(iii) Kaedah kajian.

Penulis menggunakan berbagai kaedah sepanjang masa kajian ini dijalankan. Kaedah-kaedah tersebut ialah seperti berikut;

Temuramah : Cara ini dilakukan dengan informan-informan. Ramai informan yang ditemui bagi tujuan memastikan segala bahan dan kebenaran fakta yang diperolehi daripada informan yang lain. Teknik ini digunakan apabila bahan bertulis mengenainya sangat berkurangan atau tiada langsung. Oleh kerana itu adalah perlu ianya diperolehi dengan cara lisan dan menemuramah sesiapa saja yang difikirkan mengetahui mengenai perkara ini khasnya peristiwa selepas merdeka.

Kajian perpustakaan : Kebanyakan^{an} bahan yang digunakan dalam kajian ini adalah diperolehi dari perpustakaan seperti perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, perpustakaan Universiti Malaya, perpustakaan Arkib Negara Malaysia dan perpustakaan Umum Negeri Melaka. Kajian di perpustakaan ini adalah lebih perlu dari cara lain kerana kebanyakan fakta dan sumber sejarah mengenai zaman awal adalah dari bahan bertulis. Walau bagaimana pun kebanyakan bahan ini ditulis oleh penulis barat yang mengkaji dan menulis mengikut pemahaman dan perspektif barat dan pandangannya yang tersendiri. Di sinilah letaknya tugas penulis untuk memastikan kebenaran tulisan tersebut dan sebagai bahan untuk mencari kepastian ini, penulis menggunakan kajian penulis tempatan dan temuramah dengan informan yang mengetahui bidang ini.

Pemerhatian : Sebagai seorang yang dibesarkan di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning, penulis banyak menyaksikan sendiri perkara-perkara yang berlaku yang berkaitan dengan adat. Melalui pemerhatian, pergaulan dengan masyarakat dan perbualan penulis mendapati banyak perkara yang menarik mengenai Wilayah Adat Perpatih Naning. Justeru kerana itu penulis menggunakan cara ini sebagai salah satu cara untuk mendapatkan bahan yang ingin diperolehi.

(iv) Masalah kajian.

Masa yang diberi untuk membuat kajian ini adalah agak singkat iaitu lebih kurang lima bulan. Oleh kerana itu penulis menghadapi berbagai-bagai masalah seperti;

i - Bahan mengenai sumber zaman tradisional adalah sangat kurang.

Kebanyakan bahan yang ada ialah mengenai zaman British. Ini disebabkan kebanyakan penulis adalah terdiri dari pegawai British yang pernah bekerja di Tanah Melayu. Masalah yang paling ketara ialah mengenai kekurangan sumber ekonomi. Perkara ini berlaku adalah disebabkan laporan resmi hanya dibuat di zaman British iaitu selepas 1800an.

ii- Bahan-bahan yang ditulis oleh kebanyakan penulis mengenai Naning adalah dalam soal adat dan sosial. Oleh itu adalah sukar bagi penulis untuk mencari sumber ekonomi dan sejarah awal yang lebih lengkap. Walau pun tidak dinafikan terdapat juga bahagian ini

yang ditulis oleh kebanyakan penulis, tetapi ianya disentuh secara umum saja.

- iii- Bahan -bahan yang terdapat di perpustakaan Universiti Kebangsaan tidak mencukupi dan untuk tujuan mencari lebih banyak bahan, perpustakaan lain terpaksa di gunakan. Walau bagaimana pun bahan yang terdapat di Arkib Negara Malaysia masih juga tidak mencukupi. Banyak laporan resmi yang tidak terdapat di sini dan dikatakan bahawa bahan tersebut banyak disimpan di Arkib Selatan di Johor. Ini disebabkan Melaka termasuk didalam Zon Selatan. Adalah sukar untuk penulis pergi ke Johor memandangkan masa yang singkat disamping masalah tenaga dan kewangan.
- iv - Kajian ini mempunyai sekop yang luas dan jangkamasa yang panjang. Ini dilakukan adalah untuk melihat perkembangan Alor Gajah secara lebih jelas dalam segala bidang. Oleh sebab itu, kajian ini tidak dapat dilakukan dengan mendalam dan apa yang dipaparkan adalah perkembangan Alor Gajah secara am tetapi jelas.
- v - Masalah pemilihan fakta terutamanya sumber lisan sering timbul dan dalam soal ini penulis terpaksa menemuramah lebih ramai informan. Ini juga mendatangkan masalah kerana sumber yang diberikan terlalu banyak persamaan dengan sumber lisan dari informan yang lain. Apa yang sering berlaku ialah kebanyakan informan yang ditemui mengetahui persoalan yang dikemukakan tetapi tidak mengetahuinya secara lebih mendalam. Oleh itu penulis tidak memasukkannya sebagai responden yang ditemui.
- vi - Kekurangan masa, masalah kewangan serta jarak yang jauh antara rumah-rumah informan yang ditemui juga sering menimbulkan masalah.

Ini ditambah dengan kemudahan kenderaan yang agak terhad. Kedudukan Kedudukan rumah-rumah yang dikunjungi oleh penulis adalah jauh dari perhubungan jalanraya dan waktu perjalanan bas juga adalah terhad. Oleh kerana itu penulis terpaksa sering meminta bantuan orang lain. Selain daripada itu timbul juga masalah yang sukar untuk diselesaikan iaitu masa. Responden hanya boleh ditemui pada waktu petang iaitu waktu mereka tidak bekerja sedangkan waktu tersebut penulis menghadapi masalah kenderaan. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, penulis lebih banyak menemuramah responden yang tinggal berdekatan dengan mukim kediaman penulis. Menurut Undang Naning, perkara ini tidak menjadi masalah kerana pengetahuan mengenai adat antara penduduk semua mukim adalah lebih kurang sama. Ini disebabkan apa jua perkara mengenai adat adalah dirujukkan kepada Undang.

Walaupun bagaimanapun segala masalah ini berjaya diatasi kerana ianya tidaklah begitu serius. Penulis telah menjangkakannya terlebih dahulu sebelum membuat penyelidikan Latihan Ilmiah ini.

PETA 1a

ALOR GAJAH

MELAKA
SELATAN

MELAKA
TENGAH

Nota :

— sempadan
daerah .

TAJUK : DAERAH - DAERAH
DI MELAKA .

SUMBER : ATLAS KEBANGSAAN
MALAYSIA .

BAB II

BAHAGIAN SOSIAL.

(I) GAMBARAN UMUM MASAKINI.

Secara umumnya daerah Alor Gajah mempunyai penduduk yang terdiri dari tiga bangsa yang besar iaitu iaitu Melayu, China dan India. Daripada ketiga jenis bangsa ini, bangsa Melayu mempunyai kadar penduduk yang tertinggi diikuti oleh bangsa China dan India. Pada tahun 1970, jumlah penduduk Melayu di Alor Gajah ialah seramai 74,037 orang berbanding dengan masyarakat China seramai 29,709 orang. Sementara itu jumlah bangsa India pula ialah 114,523 orang termasuk 135 penduduk berbangsa lain.^I

Ketiga-tiga bangsa ini hidup didalam keadaan yang aman dan bersatu padu. Mereka juga saling bekerjasama dalam menjalani kehidupan seharian. Namun demikian ini tidak bermakna masyarakat majmuk Alor Gajah berada dalam keadaan yang benar-benar bersepadu. Masalah perkauman merupakan satu perkata umum yang berlaku di mana-mana dan perkara ini jugalah yang berlaku di Alor Gajah. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pemisahan ~~ketiga~~ tiga- tiga ethnuk ter-

^I Data ini diperolehi dari Fail Jumlah penduduk, keluasan kampung-kampung Daerah Alor Gajah, 1970 , dari Pejabat Daerah Alor Gajah.

sebut selain daripada asal keturunan dan latarbelakang kebudayaan yang berlainan. Berdasarkan daripada taburan demografi, kebanyakan kaum Melayu tinggal di kawasan luar bandar, kaum China tinggal di bandar sementara kaum India pula tinggal di kawasan estet getah. Dari segi pekerjaan pula, kebanyakan kaum Melayu adalah terdiri daripada petani walaupun ramai yang bekerja sebagai buruh kasar dan terlibat dalam pasukan keselamatan serta perkhidmatan kerajaan. Bangsa China pula lebih suka bekerja sendiri dengan menjalankan perniagaan dan bangsa India bekerja sebagai penoreh getah di ladang-ladang besar serta ramai juga yang bekerja sebagai buruh.

Contoh ketidak seimbangan keadaan ini dapat dilihat pada data Jumlah penduduk, keluasan kampung-kampung Daerah Alor Gajah pada tahun 1970.² Penduduk Melayu didapati ramai tinggal di mukim Sungai Baru Tengah, Masjid Tanah, Sungai Baru Hulu, Kelemak, Kuala Sungai Baru dan Sungai Baru Hilir. Kawasan ini merupakan kawasan petempatan orang Melayu dan terdapat sawah padi yang luas. Bagi penduduk China, mukim yang menjadi tumpuan penempatan dan perniagaan ialah Pulau Sebang, Macap, Durian Tunggal, Kelemak dan Sungai Baru Hilir. Manakala kaum India lebih bertumpu di mukim Tebong, Pulau Sebang dan Kelemak.³

² Ibid.

³ Ibid., Untuk keterangan yang lebih jelas silalah di bahagian lampiran III.

Penyibaran penduduk yang sedemikian bukan saja menunjukkan pemisahan kumpulan-kumpulan ethnik dari segi fiziknya tetapi juga menunjukkan perbezaan taraf hidup mereka. Kebanyakan orang-orang bukan Melayu tinggal di kawasan -kawasan pekan yang menjadi pusat perubahan dan kegiatan. Sementara orang-orang Melayu pula tinggal di kawasan luarbandar dimana terdapat kurang sekali kemudahan-kemudahan pelajaran, kesihatan, perhubungan dan sifat-sifat kebandaran yang lain. Perbezaan tempat tinggal dan pengkhususan dalam bidang ekonomi ini sangat penting dalam menimbulkan perbezaan kumpulan-kumpulan sosial kerana ia mengakibatkan perbezaan pendapatan yang mana seterusnya melambangkan status, gaya hidup dan kepentingan yang tersendiri.

Dalam soal agama, orang Melayu kebanyakannya boleh dikatakan 100% adalah beragama Islam. Orang China menganut banyak kepercayaan tetapi yang terpenting ialah Confucianisme, Taoisme dan Buddhisme. Pada masa kini terdapat ramai orang China yang memeluk agama Keristian. Orang India kebanyakannya pula beragama Hindu dan sedikit yang menganut agama lain seperti Keristian, Sikhs, Buddhism, Jainism dan Zoroastranism.⁴ Masalah bahasa juga merupakan soal yang rumit untuk diselesaikan. Mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, bahasa Melayu adalah bahasa Kebangsaan dan merupakan bahasa resmi yang tunggal di Malaysia sejak dari tahun 1967. Sementara itu bahasa Inggeris akan digunakan sebagai bahasa resmi kedua negara.⁵

⁴ Sanusi Osman, "Beberapa persoalan tentang hubungan ethnik di-Malaysia Barat", Manusia dan Masyarakat, Bil. 7, 1972, hal. 39.

⁵ Ibid., hal. 39.

Rancangan ini diharapkan dapat menyatupadukan penduduk yang terdiri daripada berbagai kaum namun kejayaan rancangan ini masih boleh dipertikaikan. Walaupun kebanyakan penduduk Alor Gajah bertutur dalam Bahasa Malaysia tetapi mereka masih bertutur dalam bahasa ibunda di rumah, dengan jiran dan sukar melupai bangsa, adat dan kebudayaan mereka sendiri.

Keadaan sukarnya asimilasi dengan kata yang sebenarnya dikalangan penduduk Alor Gajah juga bertambah rumit akibat dari sistem persekolahan di negara ini pada masa ini. Terdapat empat aliran iaitu Melayu, Inggeris, Tionghua dan Tamil diperingkat sekolah rendah. Manakala diperingkat sekolah menengah pula wujudnya dua aliran iaitu Melayu dan Inggeris. Keadaan bertambah rumit apabila terdapat golongan yang lebih suka menggunakan bahasa-bahasa tertentu sahaja seperti orang China ada yang lebih suka menggunakan bahasa dialek sukunya dari menggunakan bahasa Malaysia. Setengah golongan pula lebih mementingkan bahasa Inggeris dari bahasa lain dalam per-tuturan sehabian. Persoalan bahasa ini juga melibatkan masalah pengasingan dalam parti-partai politik yang mana sering menggunakan isu perkauman sebagai menarik minat ahli-ahli. Pendidikata secara keseluruhan penduduk Alor Gajah hidup dalam keadaan aman walaupun tidak dapat dinafikan rasa perkauman masih lagi terdapat diantara mereka. Namun ianya tidak begitu ketara dan bukan merupakan masalah yang besar sehingga boleh mengganggu keamanan umum.

(II) ASAL USUL MASYARAKAT MELAYU DI ALOR GAJAH.

Di dalam bahagian ini, penulis akan membincangkan mengenai masyarakat Melayu sahaja. Ini adalah disebabkan tumpuan penulisan latihan ilmiah ini ialah mengenai masyarakat Melayu di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning. Penduduk Melayu Alor Gajah dikatakan berasal daripada keturunan bangsa Minangkabau dari Sumatera. Namun demikian tidak dapat dinafikan terdapat juga perkahwinan antara penduduk tempatan iaitu orang asli dengan orang Minangkabau. Orang asli Alor Gajah ini adalah terdiri daripada orang asli bangsa proto(Proto-Malay).⁶ Oleh itu besar kemungkinan penduduk Melayu Alor Gajah adalah berketurunan bangsa Minangkabau.

Ditinjau dari segi sejarah, penghijrahan orang-orang Minangkabau ke Tanah Melayu bukanlah merupakan perkara yang baru malahan penghijrahan ini telah berlaku berabad-abad yang lalu. Hanya bezanya ialah arus penghijrahan dan jumlahnya saja yang berlainan dari satu masa kesatu masa yang lain. Adalah sukar ditentukan bila kah tarikh yang terawal sekali kedatangan dan penempatan kaum imigran ini. Namun jika dilihat daripada sudut geografi, kedudukannya yang berdekatan disertai mempunyai banyak ciri persamaan dalam bidang lain membolehkan orang-orang Minangkabau ini berhijrah lebih awal lagi.⁷

6

R.O.Winstedt, "Negeri Sembilan ; The History, Polity and Beliefs of the Nine States", JMBRAS, Vol.I2, Singapore, 1934, hal.45.

7

Azizi .Muda, "Penghijrahan penduduk Indonesia ke Semenanjung Malaysia", Malaysia dari segi sejarah, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil.I2, 1983, hal.I68.

Adalah sukar untuk menentukan tarikh yang tepat bila bermulanya kedatangan orang Minangkabau ke Alor Gajah ini. Kekurangan bahan-bahan bertulis merupakan masalah utama. Jikalau ingin berpandu kepada data penduduk, ianya masih belum memuaskan kerana banci penduduk Semenanjung bermula hanya pada tahun 1891. Olek kerana itu, adalah sukar untuk mengesan akan tarikh awal kedatangan orang Minangkabau berdasarkan sumber yang terdiri daripada data-data. Tambahan pula terdapat kesulitan untuk mengasingkan orang Melayu tempatan dengan migran Minangkabau di Melaka dalam banci penduduk tersebut. Perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh mudahnya proses asimilasi dikalangan penduduk migran Minangkabau dengan penduduk Melayu tempatan. Kecepatan proses asimilasi ini dibantu lagi oleh persamaan dari segi bahasa, adat resam, kebudayaan dan agama. Di dalam banci tahun 1931 dan tahun 1947 juga terdapat bilangan migran Minangkabau yang telah digabungkan dengan orang Melayu tempatan yang disebut sebagai 'lain-lain orang Malaysia'. Keadaan ini jelas disebut sebagai;

... Terdapat juga imigrasi orang-orang Melayu daripada pulau-pulau yang berhampiran khususnya daripada Jawa dan Sumatera untuk bekerja di ladang-ladang getah. Adalah tidak mungkin untuk mengesan bilangan mereka walaupun pada tahun-tahun awalan cuba telah dibuat untuk mengenali orang Melayu dan lain-lain orang asli di kepulauan Melayu dalam perhitungan tahun 1891 dan 1911 tetapi 'lain-lain orang Melayu' di dalam banci 1931 dan 1947 dihitungkan kepada taksiran I5 dan I2 peratus, masing-masing dari semua orang Melayu. 8

Untuk menunjukkan keadaan yang lebih jelas, sila lihat pada data di sebelah;

Kawasan, penduduk, kepadatan kawasan bandingan antara 1931-1947

Daerah Alor Gajah

Jumlah penduduk tahun 1931 dan 1947 ⁹

Tahun	Malaysia	China	India	Lain-lain	Jumlah
1931	33422	13636	7754	219	55031
1947	42249	18366	6195	330	67640
% tambah/ kurang daripada 1931-47	27.9	34.7	20.9	50.9	22.9

Perhatian: Luas kawasan batu/segi - 258.3
 Kepadatan/ batu - 1931 - 213
 1947 - 262.

Pada abad ke **15**, Melaka merupakan sebuah pusat perdagangan yang terkenal di Nusantara. Ia menjadi tumpuan para pedagang asing baik dari barat atau dari Timur. Melaka juga mempunyai banyak negeri jajahan termasuk negeri-negeri yang terletak di pinggir pantai timur Sumatera. Ada kemungkinan dimasa ini telah turut juga berlaku penghijrahan orang Minangkabau ke Melaka sebagaimana bangsa lain. Tujuan penghijrahan mereka tidak dapat dipastikan tetapi tarikh terawal dikatakan bermulanya penghijrahan orang Minangkabau ke Tanah Melayu ialah pada kurun ke **15**.¹⁰

Penghijrahan ini berlaku berperingkat-peringkat dan pada awalnya bersifat sementara. Mereka tinggal di satu-satu kawasan bergantung kepada masa dan keadaan politik ketika itu. Contohnya

⁹ ML.del Tufo, A Report On the 1947 Census of Population, Governments of Federation of Malaya and the Colony of Singapore, 1948, hal.136.

¹⁰ R.O.Winstedt, Op.cit., hal.42.

semaga Melaka mempunyai hubungan yang baik dengan Majapahit, orang-orang Indonesia didapati berminat untuk datang dan menetap di Melaka seperti yang disebut dalam Hikayat Hang Tuah. Dilaporkan bahawa Patih Kerma Ujang memohon kepada Raja Melaka untuk mendapatkan tanah bagi membuat perkampungan ;" Ya Tuanku, ampun Kerma, patik hendak pohon kan tempat duduk hendak berbuat rumah! Permohonan Patih Kerma Vijaya itu telah diperkenankan oleh Raja Melaka.^{II} Di sini menunjukkan bahawa petempatan orang Minangkabau di Melaka bermula semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Terdapat juga keterangan dan petunjuk lain yang mungkin boleh dijadikan pedoman untuk mencari bukti kedatangan dan penempatan awal orang Minangkabau di Melaka. Keterangan tersebut ialah makam yang terdapat di Pengkalan Kempas, Linggi yang bertarikh 1467. Makam tersebut adalah dikatakan milik Syeikh Ahmad dan pembuatan batu nisan tersebut dikatakan menyerupai batu-batu bersurat di Batu Sangkar dan Pagar Ruyung di Minangkabau.. Kenyataan ini dibantah oleh Mohd Dahlan Mansoer dalam semilarnya dengan mengatakan bahawa rupa dan kata-kata yang tercatat di batu nisan di Batu Sangkar dan Pagar Ruyung masih boleh dipertikaikan lagi. Perkataan 'Bismillahirrahmanirrahim' dan 'Allah' yang terdapat di kedua makam tersebut dikatakan mempunyai unsur Islam. Kenyataan inilah yang ditolak oleh Mohd Dahlan dengan menyatakan bahawa sepanjang pengetahuannya tiada batu nisan yang bertulis Arab di kedua tempat tersebut.^{I2}

II Azizi Muda, Op.cit., hal. 187.

I2 Mohd Dahlan Mansoer, "Minangkabau dan Negeri Sembilan: Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan", Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10-12 hb. April 1974, hal. 4-5.

Mohd Dahlan meragui makam di Batu sangkar adalah berdasarkan kepada zaman bermulanya dan berkembangnya tempat tersebut. Pekan Batu Sangkar berkembang disekitar zaman Belanda semasa pemerintahan Gabnur General Van Der Cappelan. Dengan ini diragui bagaimana makam tersebut boleh diketahui akan kewujudannya sedangkan tempat tersebut tidak dikenali sebelumnya. Begitu juga dengan makam di Pagar Ruyung dimana memang terdapat kawasan permakaman bernama 'Ustano Rajo'. Batu Bersurat di sini dikatakan adalah peninggalan Raja Adityawarman (1345-1375) tetapi tulisan yang terdapat di Batu Bersurat itu bukannya bahasa Arab. Tulisan tersebut adalah dalam bahasa Jawa-Majapahit dan menurut penilaian seorang sejarawan Belanda mengatakan bahawa bahasa tersebut adalah bahasa sanskerta yang kucar kacir (permulaan) atau lebih dikenali sebagai 'potsierlijk sankriet'.^{I3} Oleh kerana itu Mohd Dahlan meragukan akan kenyataan yang mengatakan bahawa orang-orang yang mula-mula tiba di Linggi adalah orang Minangkabau.

Stein Callenfals
Seorang British, bernama Van der berpendapat bahawa batu bersurat di Pengkalan Kempas itu bukan menunjukkan pengaruh Arab di Tanah Melayu khas di Melaka dan Negeri Sembilan. Ukiran perkataan 'Allah' di makam Syeikh Ahmad itu dicurigai dan dinafikan oleh Winstedt dengan alasan mengatakan bahawa Islam datang lewat dari tarikh 1467 seperti yang tercatat di batu bersurat itu dan berpendapat;

...When the first Malays immigrated from Minangkabau to Alor Gajah and Nanning in Malacca territory, they were not yet Muslims and the Portuguese recorded that the inland Minangkabaus were still pagan in the first half of the 16th century. Conversion to Islam spread inland

I3 Ibid., hal.. 105.

... from the coast and early Muslim converts in Alor Gajah and Kuala Pilah may have removed pairs of stones from existing alienments to serve as graves stones. I4

Menurut de Eredia iaitu seorang sejarawan Portugis, mengatakan bahawa sekurang-kurangnya sehingga tahun 1586, orang-orang Minangkabau telah pernah bermusuh dengan orang Portugis. Serangan ini dilakukan oleh Naning bersama-sama dengan Johor yang pada masa itu merupakan musuh Portugis kerana telah menumbangkan Kesultanan Melayu Melayu sehingga menyebabkan Sultan Melaka terpaksa lari dan berpusat di Johor.^{I5} Disamping itu sikap dan pemikiran orang Melayu zaman tradisional juga menyebabkan kenyataan yang mengatakan bahawa batu-batu nisan tersebut menunjukkan penempatan masyarakat awal terus diterima dengan begitu mudah. Masyarakat Melayu berpendapat bahawa batu-batu tersebut adalah kubur datuk moyang mereka dahulu dan oleh kerana itu ianya dianggap keramat. Pendapat masyarakat umum Melayu ini dicanggah oleh kebanyakan sejarawan secara umumnya. Dari segi logiknya memang boleh dipertikaikan akan kedudukan perkara ini.

I4 Mubin Sheppard, Megalith In Malacca and Negeri Sembilan, Federation Museum Journal, Vol. 7, New Series, Museum Department, Kuala Lumpur, 1962, hal.72-74. (Terjemahan: Apabila orang-orang Melayu dari Minangkabau mula-mula berhijrah ke Alor Gajah dan Naning di Melaka, didapati bahawa mereka belum lagi beragama Islam. Sumber Portugis sendiri mengatakan orang-orang Minangkabau di pendalaman Melaka masih lagi berada dalam agama jahiliah pada pertengahan awal abad ke 16. Penyibaran Islam bermula dari kawasan pantai dan penganut Islam yang baru di Alor Gajah dan Kuala Pilah inilah yang berkemungkinan telah mengubah batu-batu yang terdapat di waktu itu untuk dijadikan sebagai batu nisan).

I5 R.O.Winstedt, Oo.cit, hal. 44-5.

Soalan yang pertama sekali perlu dipersoalkan ialah samada benar atau tidak batu di makam tersebut batu nisan atau pun apakah kawasan tersebut benar-benar merupakan makam atau kawasan perkuburan. Sebenarnya batu yang dikatakan batu nisan atau makam perkuburan adalah batu hidup. Batu hidup adalah batu yang terdiri daripada batu atau sekumpulan batu yang boleh membesar tetapi memerlukan masa yang lama.^{I6} Di Malaysia ada dua jenis batu hidup(megalith) iaitu jenis 'cist' di Perak dan 'Avenues di Negeri Sembilan dan Melaka . Di Melaka, batu hidup terdapat di Alor Gajah dan Jasin. Batu hidup di Alor Gajah adalah besar dan kasar tanpa ukiran, Ianya dinamakan 'Mega-Lithor' yang dalam bahasa Greek bermakna Batu Besar. Terdapat lebih kurang 80 tapak megalith di Alor Gajah dan ianya didapati di mukim Taboh Naning, Melaka Pindah, Pulau Sebang, Padang Sebang, Gadek, Melekek dan Kemuning. Batu hidup yang kecil pula banyak terdapat di mukim Berisu, Kelemak, Sungai Petai, Simpang Empat, Macap, Peguh, Tebung, Nyalas dan juga di Jasin.^{I7} Penduduk tempatan mempercayai bahawa batu hidup ini adalah kubur nenek moyang atau pahlawan tempatan yang terkenal. Oleh kerana itu terdapat banyak upacara dijalankan di kubur-kubur yang dianggap keramat seperti meminta doa dan menghantar makanan untuk jin atau penunggu kawasan yang dikatakan keramat tersebut.

^{I6} Chamber's Encyclopedia, Vol IX, Malaya-New York International Learning System, Corporation Limited, London, 1970, hal. 223. Petikan kenyataan ini berbunyi: A large roughly dressed stones or monument made of such large stones either standing separately or grouped together into structures. Megalithic monuments have been made at various times. Keterangan mengenai perkara ini juga diperolehi dari temubual dengan Encik Jalil bin Osman pada 22 hb Desember 1983.

^{I7} Abdul Jalil Osman, "Kebudayaan Megalith Banyak Terdapat di Alor Gajah dan Jasin", Suara Melaka, Keluaran ke 15, Kerajaan Negeri Melaka, Melaka, Ogos, 1983, hal. 8.

Walaupun terdapat berbagai pendapat yang saling ber-canggah mengenai sejarah awal orang Minangkabau ke Melaka dan Negeri Sembilan (Tanah Melayu secara umumnya) namun sebagai kesimpulannya, serta berdasarkan pendapat . sejarawan secara amnya adalah di dapati penduduk awal Alor Gajah ialah orang Minangkabau (dikecualikan orang asli). Daerah-daerah asal orang Minangkabau yang datang berhijrah ke Melaka dan Negeri Sembilan ialah kawasan Luhak Nan Tigo. Kawasan ini adalah;

- i: Luhak 50 koto, arah ke Timur laut luak Agam dengan Paya Kumbuh sebagai ibukotanya.
 - ii. Luhak Agam di sekitar Lembah Gunung Merapi Singgalang dengan Bukit Tinggi sebagai ibukotanya.
 - iii. Luhak Batipoh ialah tanah datar arah ke timur daripada luhak Agam dengan Batu Sangkar sebagai ibukotanya.
- Ketiga-tiga luhak ini lebih dikenali sebagai 'Daro' (darat atau pen-dalaman).¹⁸

Kedatangan orang Minangkabau ini adalah secara ber-peringkat-peringkat. Mereka datang dengan menaiki perahu dan mendarat di Melaka melalui dua jalan sungai iaitu sungai Melaka dan sungai Linggi.¹⁹ Orang Minangkabau yang terawal sekali datang ke Melaka terdiri dari empat kumpulan keluarga iaitu suku Nan bergaja Tungga, Semelenggang, Tiga Batu dan Mungkal.²⁰ Tempat yang mula-mula sekali di darat ialah di hulu Sungai Melaka. Kawasan ini kini bernama Kampung

¹⁸ Mohd Dahlan Mansoer, Op.cit., hal. 5.

¹⁹ R.O.Winstedt, Op.cit., hal. 44. Lihat juga Abdul Jali Osman, Ibid., hal.7

²⁰ Suku-suku ini akan dibincangkan kelak dalam bahagian ini.

Hulu. Melalui Sungai Melaka ini kemudiannya mereka berperahu ke kawasan lebih dalam dan tiba di sebuah pengkalan dan kawasan ini kini bernama Kampung Pengkalan iaitu kira-kira 15 batu daripada bandar Melaka. Orang-orang Minangkabau ini kemudiannya meneruskan perjalanan sehingga sampai ketempat-tempat yang bernama Kelemak (peristiwa ikan yang berasa lemak walaupun di sungai air tawar), Bukit Serusuk (peristiwa bermalam di sebuah bukit kerana kesakitan bahagian rusuk), Paya Datuk (bermalam di sebuah paya kerana seorang tua (Datuk) jatuh sakit), Bukit Tempunik (sempena nama sejenis buah yang terdapat di sebuah bukit) dan Bukit Bisa. Di Bukit Bisa inilah akhirnya mereka berhenti dan membuat penempatan kerana didapati perjalanan mereka telah begitu jauh ke pendalaman. Kawasan ini kini dinamakan Tabuh Naning iaitu kawasan di mana terdapat Bukit Penyilang dimana hukuman di zaman pemerintahan penghulu adat dijalankan turun temurun.²¹

Bagi orang Minangkabau yang berhijrah melalui Sungai Linggi pula,²² mereka telah berpecah kepada dua pihak. Satu pihak telah meneruskan perjalanan hingga ke kawasan pendalaman dan bertemu dengan orang Minangkabau yang melalui Sungai Melaka. Satu pihak lagi meneruskan perjalanan ke arah Negeri Sembilan. Oleh kerana itulah Melaka Utara merupakan satu-sarunya daerah di Melaka yang mempunyai penduduk yang berketurunan daripada Minangkabau. Secara lebih jelas lagi dikatakan bahawa walaupun kedua pihak datang dari

²¹ Keterangan ini diperolehi daripada temubual dengan Datuk Undang Naning Mohd Shah bin Said pada 17 hb. Januari 1984 dan Encik Osman bin Jalil pada 22 hb. Desember 1983

²² Sungai Linggi ialah sungai yang menjadi pemisah antara negeri Melaka dengan Negeri Sembilan.

tempat yang berlainan iaitu Sungai Melaka dan Sungai Linggi tetapi akhirnya bertemu di Tabuh . Keadaan ini menyebabkan akhirnya mereka mengambil keputusan menjadikan Tabuh sebagai ibu kota Wilayah Adat yang mereka dirikan. Satu sifat orang Minangkabau yang menarik ialah mereka tidak suka tinggal di kawasan pinggir laut. Oleh kerana itu apabila didapati keadaan pendalaman Melaka Utara mempunyai banyak kesamaan dengan tempat tinggal asal mereka yang terdiri dari gunung dan hutan, maka kawasan tersebut (Naning-akan dibincangkan) telah menjadi pilihan untuk penempatan.

Terdapat sebuah cerita lisan mengenai pembukaan daerah Alor Gajah ini. Pada zaman tradisional, Alor Gajah ini dipenuhi dengan hutan belantara dan binatang buas. Penduduknya terdiri dari orang asli Jakun yang dipanggil 'Proto Malay'.²³ Bilangan penduduk asli ini tidak ramai dan mereka mendiami di kawasan pendalaman hutan yang berbukit-bukit. Pencarian utama mereka ialah berburu binatang serta menanam pertanian pindah serta padi bukit. Kedatangan orang Minangkabau ini merupakan satu keadaan baru bagi penduduk asli. Untuk mengelakkan sebarang kemungkinan daripada berlaku, maka ketua penduduk Minangkabau telah bertemu dengan penduduk asli tersebut. Satu perjanjian telah ditandatangani antara kedua belah pihak. Namun wujud pula masalah di kawasan mana orang Minangkabau ini harus duduki kerana orang asli tidak mahu bercampur gaul dengan orang yang datang. Satu cara pengundian dilakukan iaitu dengan cara menebang sebatang pokok yang besar. Sekiranya pokok tersebut rebah di kawasan hutan yang

²³ Ooi Jin Bee, Bumi, penduduk dan ekonomi di Tanah Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, hal. 110.

telah sediakala dihuni oleh orang asli, maka mereka akan terus menetap di situ selama-lamanya. Sebaliknya sekiranya pokok tersebut rebah di kawasan tanah rata yang kurang berhutan tebal, maka orang asli terpaksa mengubah tempat kediaman. Secara kebetulan pula, pokok tersebut telah tumbang di sebelah hutan, justeru itu orang asli terus kekal di tempat kediaman mereka. Orang Minangkabau pula mula meneroka hutan dan paya untuk membuat perkampungan. Maka mulai dari tarikh tersebut bermulanya amalan adat perpatih di Alor Gajah.²⁴ Di dalam usaha membuka tanah baru, penduduk Minangkabau telah berjumpa sebatang pokok yang mempunyai sarang sejejis binatang yang dipanggil 'Naning'. Sebagai memperingati peristiwa tersebut, lalu tempat tersebut dipanggil Naning.

Jumlah penduduk Alor Gajah semakin lama semakin bertambah ramai ekoran dari penghijrahan yang berlaku secara berperingkat-peringkat. Ini menyebabkan timbul rancangan untuk mencari penempatan yang baru tetapi mempunyai banyak ciri persamaan dengan Alor Gajah. Bukti pertambahan penduduk boleh dilihat dari jumlah bilangan penduduk di zaman British iaitu pada tahun 1833-4. Dalam tahun tersebut, jumlah penduduk ialah seramai 5079 orang tetapi telah bertambah seramai 5881²⁵ orang pada tahun 1836. Usaha penerokaan yang dilakukan telah membawa orang Minangkabau lebih mara ke Utara dan seterusnya membuka Negeri Sembilan. Negeri Sembilan pada masa itu terdiri daripada Naning, Rembau, Dungai Ujung, Jelebu, Kelang, Inas (Jelai), Johol (Pasir

24 Temubual dengan Encik Jati b. Osman pada 22 hb. Desember 1983.

25 T.J. Newbold, British Settlements in the Straits of Malacca, Vol. I, Oxford University Press, London, 1971, hal. 244.

Besar), Segamat dan Ulu Pahang. Apabila kuasa penjajah menakluki Melaka, maka polisi yang dijalankan juga adalah berlainan antara satu penjajah dengan yang lain. Naning telah terkeluar dari Negeri Sembilan dan termasuk ke dalam pentadbiran di Melaka. Segamat pula telah dimasukkan kedalam negeri Johor sementara Kelang pula dimasukkan ke bawah Selangor dan Ulu Pahang dimasukkan ke dalam Pahang. Akhirnya tinggal lima luak sahaja. Oleh kerana Negeri Sembilan terdiri dari sembilan buah negeri, maka perlu dicari lagi empat negeri supaya lengkap menjadi sembilan negeri. Ulu Muar, Terachi, Jempul dan Gunung Pasir kemudiannya di masukkan bersama-sama dengan lima negeri yang awal dan akhirnya membentuk 'Luhak Tanah Mengandung'.²⁶ Pendikata hubungan Naning dengan negeri-negeri lain adalah rapat. Ini jelas dilihat seperti dalam teromba berikut;

Bertuan ke Minangkabau,
 Bertali ke Siak,
 Beraja ke Johor,
 Berpengkalan ke Melaka,
 Berumah ke Naning,
 Berulur jumbai ke Tanah Jelebu.²⁷

Teromba tersebut jelas menunjukkan bahawa pertuanan sebenarnya adalah daripada Minangkabau dan raja yang memerintah ialah raja Johor. Orang Minangkabau yang mula-mula sampai telah singgah ke Melaka dan membuat petempatan di Naning. Akhirnya keturunan daripada orang Minangkabau ini pergi merata-rata tempat sehingga ke Jelebu.

²⁶ Philip Loh Fook Seng, The Malay States: Political Change and Social Policy-1877-1895, Oxford University Press, Singapore, 1969, hal. 100.

²⁷ Temubual dengan Undang Naning Mohd Shah bin said pada 17 Januari 1984.

(iii) SEBAB-SEBAB PENGHIJRAHAN

Faktor utama yang membawa orang Minangkabau berhijrah keluar dari negeri asalnya ialah sikap masyarakat mereka sendiri yang suka mengembara dan berpegang kuat pada konsep 'merantau'. 'Merantau' di sini bermaksud keluar daripada negeri asal pergi ke negeri lain dengan mempunyai berbagai-bagai tujuan tertentu. Secara ringkas ada dua faktor yang mencepatkan lagi proses penghijrahan ini berlaku iaitu faktor tolakan dan faktor tarikan. Faktor tolakan ialah sebab-sebab yang mendesak penghijrahan berlaku dikalangan penduduk Minangkabau sendiri. Antara sebab tersebut ialah sistem adat perpatih yang diamalkan selama ini. Kaum wanita mendapat tempat yang utama dalam pembahagian dan orang lelaki menjadi orang luar dalam satu keluarga atau 'orang semenda'. Untuk mencari harta sendiri, orang lelaki terpaksa bekerja keras dan salah satu cara yang dirasakan lebih mudah ialah pergi ke tempat lain yang boleh memberi pendapatan yang lebih baik. Memang tidak dinafikan bahawa ke mana saja mereka pergi, sistem adat perpatih sentiasa dibawa bersama. Keadaan berlainan di tempat baru dimana walaupun wanita sememangnya memainkan peranan yang penting dalam pembahagian harta, tetapi ini tidak menimbulkan masalah kepada perantau tersebut. Ini disebabkan masyarakat Minangkabau memandang orang lelaki yang merantau dan beroleh kehidupan yang baik adalah lebih tinggi kedudukannya daripada lelaki tempatan yang tidak ke-
mana-mana.²⁸

28 H.A.Hamidi Jora, "Adat perpatih tidak demokratis", Dewan Masyarakat, Januari 1975, hal. 37. Ini diakui oleh sendiri oleh Talid bin Jali yang ditemubual pada 21 hb. Desember 1983.

Faktor penolakan yang lain ialah seperti keadaan ekonomi tempat tinggal yang meleset, perselisihan faham, dalam keluarga, sistem paksaan dalam keluarga dan faktor peribadi. Faktor penarik pula ialah tarikan yang terdapat di negeri yang dituju oleh perantau. Kebanyakan perantau mengembara keluar adalah disebabkan oleh faktor ekonomi dan keadaan inilah yang berlaku pada orang Minangkabau yang datang ke Melaka. Melaka yang menjadi pusat perdagangan pada abad ke 15 telah berjaya menarik ramai pedagang asing supaya singgah dan berdagang di Melaka.

Adalah perlu ditekankan bahawa konsep merantau dikalangan orang Minangkabau pada peringkat awal adalah hanya berbentuk sementara. Mereka berhijrah hanya untuk mencari untung nasib dan apabila hasrat mereka telah tercapai, akhirnya mereka akan pulang semula ke tanah tumpah darah mereka. Sekiranya mereka hidup bertahun-tahun di satu-satu tempat di perantauan, ia dikatakan 'menahun' dan sekiranya ia terus menetap di satu-satu tempat di perantauan, maka ia dikatakan 'menebus'. Maksud menebus di sini ialah mengulang kembali semangat yang ada pada datuk moyang mereka yang terdahulu.²⁹

Sehingga kini konsep merantau masih ada lagi terdapat pada penduduk Alor Gajah yang berasal dari keturunan orang Minangkabau. Walau bagaimanapun konsep merantau ini telah berubah dan berlainan daripada penghijrah awal. Pada masa kini, penghijrahan berlaku adalah disebabkan ingin mencari pekerjaan yang lebih baik, memperdalam ilmu

²⁹ Temubual dengan Talid bin Jali pada 21 hb. Desember 1983.

melanjutkan pelajaran ke tempat lain, masalah keluarga atau persoalan peribadi yang tersendiri. Perantauan ini juga bersifat sementara kerana satu hari nanti pasti mereka akan kembali ke kampung halaman dimana mereka di lahirkan. Walau bagaimana pun keadaan ini telah berubah mengikut masa dimana ramai yang tidak berminat untuk terus menetap di kampung kerana kekurangan yang dihadapi jika dibandingkan dengan kemudahan yang terdapat di bandar. Namun ini tidak bermakna mereka yang telah menetap di bandar akan tidak terus datang melawat kampung halamannya untuk menziarahi sanak saudaranya. Keadaan ini boleh diumpamakan seperti dalam pebbilangan adat yang berbunyi;

Sekenyang-kenyang banting,
Rumput dimamah juga,
Sejauh- jauh melenting,
Jatuh ke tanah juga. ³⁰

(iv) WILAYAH ADAT PERPATIH NANING.

Satu perkara yang perlu ditekan di sini ialah bahawa tidak semua mukim di Alor Gajah mengamalkan sistem adat perpatih. Daripada sejumlah 31 buah mukim yang terdapat di dalam daerah Alor Gajah, hanya 22 buah mukim saja yang mengamalkan adat perpatih. Tiga buah mukim yang mengamalkan adat perpatih juga terdapat di daerah Jasin. Gabungan 22 buah mukim di Alor Gajah dan tiga buah di Jasin inilah yang membentuk Wilayah Perpatih Adat Naning. Sembilan buah

³⁰ Idris bin Tain, "Beberapa konsep penting dalam sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan," Seminar persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 10-12 April, 1974, hal.4

mukim yang tidak mengamalkan Adat Perpatih ini adalah seperti negeri-lain di Malaysia (kecuali Negeri Sembilan) iaitu mengamalkan Adat Perpatih. Perbezaan yang berlaku di Alor Gajah ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor dan kedudukan geografi merupakan sebab utama keadaan ini terjadi. Kesemua mukim yang tidak mengamalkan Adat Perpatih ini terletak berhampiran dengan pantai dan ini tentunya bertentangan dengan prinsip dan corak kehidupan orang Minangkabau yang lebih suka membuat penghempatan di kawasan pendalaman. Disamping itu terdapatnya percampuran adat antara Adat Perpatih dan Adat Temenggung di kesembilan buah mukim tersebut. Disebabkan mukim tersebut terletak berhampiran dengan pantai dan terdedah kepada kemasukan penghijrah dari luar, maka lama kelamaan Adat Perpatih yang terdapat di mukim tersebut menjadi semakin lemah. Akhirnya pengaruh Adat Temenggung mengatasi Adat Perpatih dan ini menyebabkan mukim-mukim tersebut terkeluar dari senarai nama-nama mukim yang termasuk di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning.³¹ Keadaan ini diperkuatkan lagi oleh peristiwa Perang Naning pada tahun 1831-2 yang mana mengakibatkan penduduk Naning masa itu terpaksa melarikan diri kemana-mana saja untuk menyelamatkan diri. Oleh kerana itu apabila keadaan telah pulih semula, orang-orang yang melarikan diri tersebut telah terpisah dengan kaum sesukunya dan ini menyebabkan ada diantaranya berada di mukim yang tidak mengamalkan Adat Perpatih. Keadaan ini mengakibatkan 'adat' yang ada pada seseorang yang terasing dari kaum sukunya lama kelamaan akan hilang begitu saja. Ini juga merupakan salah satu sebab suku-suku mempunyai banyak nama dan cabangnya di Alor Gajah ini.³²

³¹ Ibid.

³² Temubual dengan Undang Naning Mohd Shah bin Said pada 22 hb. Disember 1983.

22 buah mukim yang mengamalkan Adat Perpatih dan mengujudkan Wilayah Adat Perpatih Naning ialah Ramuan China Kecil, Ramuan China Besar, Sungai Siput, Masjid Tanah, Sungai Baru Hulu, Tabuh Naning, Sungai Buluh, Melekek, Berisu, Air Paabas, Peguh, Lendu, Kelemak, Melaka Pindah, Sungai Petai, Rembia, Gadek, Padang Sebang, Tanjung Rimau, Pulau Sebang, Kemuning dan Tebung. Sementara itu tiga buah mukim yang terdapat di Jasin tetapi termasuk dalam Wilayah Adat Perpatih Naning ialah Nyalas, Jus dan Batang Melaka. Sembilan buah mukim di Alor Gajah yang terkeluar dari Wilayah Adat Perpatih Naning ialah Belimbing, Beringin, Durian Tunggal, Kuala Linggi, Kuala Sungai Baru, Macap, Parit Melana, Sungai Baru Hilir dan Sungai Baru Tengah.³³

Sebelum meninjau kehidupan dan sistem beradat masyarakat Alor Gajah terlebih dahulu perlu diketahui akan asal usul dan bagaimana Alor Gajah boleh menjadi kawasan pilihan pengamal adat perpatih. 'Adat' adalah satu istilah yang diambil dari bahasa Arab dan telah diterima oleh bahasa-bahasa lain. Pada awalnya, adat bererti kebiasaan tetapi mas kini adat bermaksud peraturan, tata susila dan segala perkara yang menyentuh tentang aspek kehidupan serta pelakuan.³⁴ Jelasnya adat adalah satu sistem pentadbiran serta peraturan hidup bermasyarakat dan bernegara yang dikawal oleh undang-undang atau peraturan yang tertentu.

³³ The Constitution of the State of Malacca 1957, Jabatan cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1963.

³⁴ Abdullah siddik, Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hal. 53.

PETA 71b

Tajuk :
Daerah Alor Gajah dan
Wilayah Adat Perpatih Naning

sumber : Atlas Kebangsaan Malaysia

/// mukim yang terkeluar dari
Wilayah Adat Perpatih Naning

PETUNJUK (1867)			
1	sungai baru hulu .	14	tabuh naning
2	masjid tanah	15	peguh
3	ramuan china besar	16	pulau sebang
4	ramuan china kecil.	17	Padang sebang
5	sungai siput	18	gadek
6	berisu	19	melaka pindah
7	air paabas	20	parit melana
8	lendu	21	durian tunggal
9	rembia	22	macap
10	sungai petai	23	kemuning
11	kelemak	24	tebung
12	melekek	25	batang melaka
13	sungai buluh .	26	nyalas
		27	tanjung rimau
		28	jus .

Wilayah Adat Perpatih Naning

 mukim yang terkeluar dari
Wilayah Adat Perpatih Naning.

1	sungai baru hulu .	14	tabuh naning
2	masjid tanah	15	peguh
3	ramuan china besar	16	pulau sebang
4	ramuan china kecil.	17	Padang sebang
5	sungai siput	18	gadek
6	berisu	19	melaka pindah
7	air paabas	20	parit melana
8	lendu	21	durian tunggal
9	rembia	22	macap
10	sungai petai	23	kemuning
11	kelemak	24	tebung
12	melekek	25	batang melaka
13	sungai buluh .	26	nyalas
		27	tanjung rimau
		28	jus .

Di Malaysia Barat terdapat dua jenis adat iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Adat Temenggung diamalkan di negeri Perlis, Kedah, Selangor, Johor, Trengganu dan Kelantan. Sementara Adat Perpatih diamalkan di negeri Sembilan khususnya di Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Jelebu, Seremban dan di Melaka terutamanya di bahagian Utara.³⁵

(v) SEJARAH AWAL ADAT PERPATIH.

Istilah Adat Perpatih adalah diambil dari nama seorang anak raja dari Minangkabau yang dikatakan merupakan orang yang pertama sekali menyusun peraturan hidup dalam suku masyarakat bangsanya.³⁵ Menurut Tambo di Minangkabau, terdapat dua orang anak raja yang sangat bijak dari tujuh adik beradiknya yang lain. Mereka adalah terdiri dari ibu yang sama tetapi berlainan bapa. Sutan Paduka Basa (Besar) dengan gelaran Datuk Katamanggungan iaitu saudara tua dan Sibaluk Duni dengan gelaran Datuk Perpatih Nan Sebatang (saudara muda) telah diwasiatkan mewarisi kerajaan negeri Minangkabau.

Diantara kedua beradik ini mempunyai sikap dan pandangan yang saling bertentangan. Datuk Katamanggungan yakin bahawa kuasa mesti datang daripada kuasa tertinggi sekali sementara bagi Datuk Perpatih Nan Sebatang pula, kuasa yang baik dan adil adalah dari

³⁵ Ibid., hal 53.

³⁶ Mochtar Md Dom, Malaysian Customary Laws and Usage, Federal Cultural Publications, Kuala Lumpur, 1977, hal. 2.

peringkat bawah. Pertentangan pendapat ini tentunya menyebabkan sukar bagi mereka untuk mentadbir negeri Minangkabau bersama-sama. Oleh itu satu penyelesaian telah dilakukan iaitu dengan membahagikan negeri Minangkabau kepada dua. Datuk Ketamanggungan memerintah negeri di kawasan persisiran pantai dan Datuk Perpatih Nan Sebatang pula diberi kuasa menguasai kawasan di sebelah pendalaman yang bergunung-ganang dan berhutan. Ekuran dari peristiwa ini menyebabkan terciptanya dua peraturan iaitu adat Temenggung dan Adat Perpatih dan kedua-dua adat inilah yang diwarisi oleh masyarakat masakini.

Walaupun telah ternyata bahawa kedua-dua adat terutamanya Adat Perpatih merupakan peraturan hidup secara umumnya namun masih ramai lagi yang tidak memahami akan konsep tersebut. Masih terdapat banyak kritikan mengenai Adat Perpatih dan berbagai-bagai alasan telah dikemukakan. Walau bagaimana pun hanya penganut adat perpatih saja yang memahami akan kedudukan dan ciri istimewa yang terkandung dalam adat ini dengan sedalam-dalamnya. Untuk menerangkan akan kedudukan adat ini, empat perkara akan ditinjau dan empat perkara tersebut berada dalam empat keadaan dan masa yang berlainan. Perkara tersebut ialah;

- i . Adat nan adat resam
- ii . Adat nan diadat
- iii. Adat nan teradat
- iv . Adat nan istiadat. 37

Adat nan adat resam adalah adat yang diatur mengikut ketentuan alam yang mengandungi kebenaran dan ketentuan yang hakiki. Ianya boleh diubah mengikut masa serta kehendak individu. Contoh yang paling

37 Temubual dengan Undang Naning Mohd Shah bin Said pada 17 hb. Desember 1983.

mudah ialah masakan dan pakaian.

Adat nan diadat ialah satu peraturan atau ketentuan yang dicapai melalui muafakat atau mesyuarat orang ramai. Perkara ini adalah didimestikan dalam kehidupan seharian tetapi jika terpesa^k diubah, maka ianya boleh dilakukan dengan syarat tiada pilihan lain. Contohnya ialah bentuk perbilangan kata adat, pepitih, teromba dan di sini memerlukan daya ingatan yang kuat dan baik.

Adat nan teradat ialah kebiasaan yang diterima oleh masyarakat tanpa persetujuan atau muafakat dari orang lain. Keputusan sendiri yang dibuat oleh seseorang adalah demi untuk kebaikan dan ekonominya sendiri. Contohnya ialah majlis berkatan(sunat), potong jambul³⁸, melenggang perut³⁹ tidak perlu diadakan sekiranya kedudukan ekonomi seseorang tidak mengizinkan.

Adat nan istiadat ialah adat yang menjadi tambahan kepada adat-adat yang lain bagi menyerikan kehidupan dan bertujuan untuk hiburan saja. Contohnya ialah majlis bertunang, berkahwin dan kenduri lain yang mana jika tidak dibuat pun tidak mencaatkan hukum syarak. perkara yang penring ialah akad nikah dan bacaan doa saja. Namun sebagai seorang yang hidup dalam komuniti beradat segala yang dilakukan adalah perlu selaras dengan kehendak orang ramai dan adat itu sendiri.

³⁸ Potong Jambul ialah satu upacara memotong sedikit rambut di-hujung dahi dan selalunya ianya diadakan di hari yang sama dengan majlis perkahwinan. Rambut yang dipanggil jambul itu adalah kepunyaan seorang bayi atau kanak-kanak yang berumur antara satu hingga tiga tahun. Upacara ini kurang dilakukan lagi pada masa kini kerana masalah ekonomi dan sikap yang telah berubah.

³⁹ Melenggang perut adalah satu cara yang dilakukan untuk menentukan kedudukan bayi dalam kandungan berada dalam keadaan sebenar atau songsang. Pada zaman tradisional, melenggang perut ini sering dilakukan dalam satu upacara khas lengkap dengan bomoh dan jampi serapah. Pada masakini ianya kurang terdapat di Alor Gajah kerana menghadapi masalah yang sama seperti di atas.

(vi) KONSEP-KONSEP AM DI DALAM ADAT PERPATIH.

Didalam pelaksanaan sistem adat perpatih ini, sering terdapat kritikan -kritikan yang mengatakan bahawa adat ini tidak mempunyai ciri-ciri demokrasi dan bertentangan dengan hukum syarak. Perkara yang sering menjadi bahan perbincangan ialah mengenai soal pembahagian dan pemilikan harta pesaka, kedudukan wanita dalam masyarakat adat perpatih dan masalah semenda. Jikalau ditinjau keadaan yang sebenarnya, hukum ugama dan adat telah diselaraskan dan dirangkum sebutannya menjadi satu ungkapan sehingga keduanya seiring sejalan dan sehayun sepinggang Perkara yang digunakan untuk memelihara negeri dinamakan hukum adat dan perkara yang digunakan untuk memelihara hukum Islam dinamakan hukum syarak. Oleh itu terdapat kata-kata seperti;

Aturan adat itu ibarat cermin yang tidak kabur,
Pelita yang tidak padam,
Dan hukum syarak ibarat suluh yang terang.⁴⁰

Aturan adat dan hukum syarak banyak memberi faedah yang baik kepada masyarakat bersesuaian dengan kehendak agama dan naluri manusia.

Oleh itu wajar dikatakan bahawa;

Adat berpanas, syarak berlindung,
Syarak mengata, adat memahami.⁴¹

Konsep am yang akan dibincangkan dalam bahagian ini ialah istiadat berkedim, perwarisan harta pesaka dan kedudukan wanita dalam masya-

⁴⁰ Mohd Sharif bin Fakeh Hassan, "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih", Seminar persejarahan dan adat perpatih, hal. 10

⁴¹ Ibid.

(a) istiadat berkedim

Istiadat berkedim ialah satu upacara yang dilakukan untuk mengambil anak angkat yang terdiri dari orang luar atau seorang bayi untuk sebuah keluarga yang sanggup mengambilnya. Tujuan melakukan upacara ini ialah untuk mengesahkan bahawa anggota baru itu telah dipesetujui dan diterima sebagai salah seorang anggota masyarakat oleh orang ramai. Terdapat dua cara proses mengambil anggota baru ini;

- i. cara kelahiran - Setiap anak yang dilahirkan dalam masyarakat beradat perpatih, secara tidak langsung akan menjadi anggota Suku ibunya. Ini adalah kerana mengikut prinsip nisab ibu. Kedudukan anak perempuan pula adalah lebih penting daripada anak lelaki kerana mempunyai hak menentukan suku anaknya kelak dan berapa harta yang bakal diperolehi dan kedudukannya dalam keluarga dan masyarakat.
- ii. cara pengambilan anak angkat - Sesebuah keluarga yang terdiri dari suami isteri berkemungkinan tidak mempunyai anak perempuan atau tidak mempunyai anak langsung. Oleh itu seorang anak angkat perlu diambil bagi mewarisi harta mereka kelak. Selalunya mereka lebih suka mengambil anak angkat perempuan supaya mudah prose perwarisan dilakukan. Anak angkat yang diambil pula boleh diambil dari anak daripada adik beradiknya sendiri (suami/isteri), anak perempuan dari kerabat saudara ibu dan anak perempuan dari luar kawasan adat atau yang bukan dari kalangan kaum keluarga sendiri. 42

Terdapat dua jenis anak angkat iaitu kedim adat dan kedim pusaka serta kedim adat pada lembaga. Kedim adat dan kedim pusaka ini ialah proses pengambilan seseorang sebagai anak angkat sepenuhnya. Orang yang diangkat ini pula boleh samada lelaki atau perempuan. Jikalau sekiranya anak angkatnya seorang perempuan, ianya akan diberi semua hak warisan dan semua tanggungjawab kepunyaan anak-anak perempuan serta cucu perempuan; ibu angkatnya. Jikalau sekiranya anak angkat yang dikedimnya seorang lelaki, ia boleh dipilih menjadi penghulu dalam suku ibu angkatnya. Dalam konteks ini;

... Full adoption(kedim adat dan pusaka) gives a woman (and her children wether born before or after the adoption) all the rights of inheritance and all the responsibilities belonging to the natural daughters and grand daughters of her adopter. 43

Kedim pada lembaga ialah pengambilan anak angkat terbatasi iaitu seorang anak perempuan dari sukunya sendiri dan anak tersebut berhak mendapat harta yang telah ditetapkan oleh ibu angkatnya semasa hidupnya. Dalam hal berkedim ini perlu dijelaskan bahawa hanya pihak isteri saja yang boleh melakukan proses anak angkat. Walau bagaimana pun, persetujuan daripada pihak suami juga diperlukan dan seterusnya meminta nasihat dan persetujuan dari pihak lembaga antara suku yang memberi dan menerima anak angkat tersebut.

43 Abdullah Siddik, Op.cit., hal. II7. (Terjemahan: Pengangkatan sepenuhnya atau kedim adat dan pusaka memberi wanita⁵ (sebelum atau selepas pengangkatan) semua hak-hak perwarisan dan tanggungjawab yang dipikul oleh seorang anak perempuan serta cucu perempuan kepada ibu angkatnya.

Proses istiadat berkedim dilakukan melalui satu upacara khas dengan menyembelih seekor ayam atau kambing. Anak yang dikedim akan dikenakan duit sebanyak \$7.20 atau emas dan duit tersebut akan diberi kepada anak buah dalam waris suku dan ketua waris suku-suku yang empat. Air limau akan direnjis ke atas orang yang dikedim. Darah ayam atau kambing yang disembelih akan dicecahkan ke tanah dan di masa itu orang yang dikedim akan berjanji untuk taat dan setia kepada segala peraturan beradat serta mengaku bersaudara dengan ahli-ahli sukuyang dimasukinya.⁴⁴ Perbezaan antara ayam dan kambing juga adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa kambing adalah lebih penting daripada ayam. Kambing digunakan untuk upacara berkedim anak kecil kerana anak kecil tersebut bakal memperolehi segala hak waris harta pesaka, Sementara ayam pula digunakan dalam upacara berkedim orang dewasa dan selalunya terdiri dari orang luar dari keluarga ibu angkat. Contohnya apabila seseorang lelaki dari luar kawasan adat perpatih ingin menahwini seorang gadis dari kawasan adat perpatih, maka lelaki tersebut mesti terlebih dahulu dikedimkan dan di masukkan ke dalam suku yang berlainan dari suku gadis tersebut.

Dalam masyarakat adat perpatih, perkahwinan sesama suku adalah dilarang. Ini disebabkan penganut adat perpatih berpendapat bahawa perkawinana sesama suku tidak mengembangkan baka atau keturunan. Ianya juga menyebabkan ujudnya rasa persukuan dan ini bertentangan dengan prinsip adat perpatih yang inginkan semua anak buah hidup dalam kesepaduan dan saling bekerjasama.

⁴⁴ Temubual dengan Encik Ismail bin Kiram pada 26 hb. Desember 1983

Disamping itu setiap anggota dalam satu-satu suku menganggap diri masing-masing seperti adik beradik dan inilah yang dikatakan berkedim iaitu 'bersaudara'. Sekiranya terdapat sesiapa yang melanggar hukum berkahwin sesama suku, maka hukuman pemuluan akan dikenakan ke atasnya. Pesalah tersebut akan diasingkan dari masyarakat mukim tempat ia tinggal dan terkecuali dari segala aktiviti yang dilakukan. Walau bagaimana pun, perkara ini sering mendapat tentangan dari generasi muda yang telah mendapat pendidikan moden dan berpendapat cara tersebut adalah diluar dari sifat peri kemanusiaan.

(b) Soal perwarisan harta.

Bahagian ini merupakan aspek yang menarik dan sering menimbulkan suasana yang kontroversial dikalangan orang ramai. Hukum adat waris ialah kaedah hukum yang mengatur pemindahan harta peninggalan seseorang yang mati kepada ahli warisnya. Tiga unsur yang mustahak dalam hukum ini ialah ada orang yang meninggal, ada ahli waris dari orang yang mati dan ada harta yang ditinggalkan. Sistem perwarisan adat perpatih adalah sistem kewarisan yang kolektif dimana harta peninggalan atau harta pesaka tidak boleh dibahagi-bahagikan pemilikannya diantara ahli waris. Ini adalah bersesuaian dengan masyarakatnya yang hidup cara bersuku dan harta ditinggalkan untuk keluarga dan sukunya.

Di dalam adat perpatih, harta/telah dibahagi kepada dua iaitu harta perolehan/carian dan harta warisan/pesaka.

Harta pesaka ialah harta yang telah diwariskan kepada jenerasi perempuan satu satu-satu suku oleh ibu bapa atau nenek moyang atau jenerasi yang terdahulu. Harta-harta tersebut termasuk barang-barang berharga seperti rumah, tanah(tanah tapak rumah, tanah sawah, kebun getah, kebun buah-buahan) dan barang-barang perhiasan(emas,perabut,barang antik). Harta pesaka ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu harta pesaka benar dan harta pesaka sendiri.⁴⁵

Harta perolehan ialah hak milik hasil dapatan, carian dan bawaan isteri atau isteri. Lebih jelas lagi dikatakan harta jenis ini ialah harta pencarian isteri dan suami semasa perkongsian hidup. Harta perolehan ini dibahagikan kepada tiga iaitu carian bahagi, dapatan tinggal dan bawaan kembali.⁴⁶

Harta carian atau carian bahagi ialah harta pencarian suami atau isteri. Apabila salah seorang daripada mereka meninggal dunia maka harta tersebut akan jatuh kepada yang masih hidup iaitu anak dan isteri. Sekiranya suami isteri tersebut bercerai hidup maka harta tersebut akan dibahagi sama rata.

Harta bawaan atau bawaan kembali ialah harta yang diperolehi oleh suami semasa sebelum berkahwin. Harta tersebut dimilikinya samada hasil uasa kerjanya sendiri atau warisan dari kedua ibu bapanya.

⁴⁵ Norazit Selat, "Konsep pusaka di dalam adat perpatih", Purba, Bil.3, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1982, hal.8.

⁴⁶ Zainal Kling, Masyarakat Melayu, Utusan Publications and Distributors, Kuala Lumpur, 1976, hal. 83.

Apabila suami tersebut meninggal dunia, maka segala harta kepunyaan suami akan dipulangkan semula kepada saudara perempuannya. Walau bagaimanapun harta tersebut boleh dibahagikan kepada anak dan isteri dengan syarat telah diwasiatkan terlebih dahulu.

Harta dapatan atau dapatan tinggalan pula ialah harta kepunyaan isteri yang diperolehi semasa sebelum berkahwin. Harta tersebut diperolehi samada melalui usahanya sendiri atau pemberian dari ibubapanya. Apabila isteri tersebut meninggal dunia atau bercerai, maka harta kepunyaan isteri tersebut akan dipulangkan kembali kepada kaum keluarganya.

Di dalam pembahagian harta ini, penulis akan membicarakan tentang kedudukan wanita dan keadilan yang terdapat di dalam sistem pembahagian harta tersebut. Konsep ini jelas di dalam perbilangan adat;

Terbit pesaka dari saka,
Si lelaki menyandang pesaka,
siperempuan yang punya pesaka,
orang semenda yang membela. 47

Di dalam adat perpatih, segala harta adalah milik bersama dikalangan anggota perempuan iaitu seibu (mempunyai ibu yang sama-nisab ibu). Tugas lelaki ialah memelihara atau mengawasi ataupun kalau boleh sedapat mungkin menambah harta yang ada, seirama dengan kata perbilang-

47 Norazit Selat, *Op.cit.*, hal.99, . Contoh perbandingan antara tanah pesaka - perolehan dengan tanah pesaka warisan boleh dilihat pada contoh-contoh geran yang terdapat pada lampiran (tanah pesaka perolehan - lampiran V).
(tanah pesaka warisan- lampiran VI)

adat yang berbunyi;

Kalau kecil diperbesarkan,
Kalau kurang eluk diperelukkan.⁴⁸

Suami atau lebih dikenali sebagai orang semenda boleh mengerjakan tanah dan memakan hasil usaha tersebut tetapi tidak boleh menjual atau menggadaikan tanah kepunyaan isteri tersebut. Ini disebabkan harta tersebut adalah harta peninggalan ibu bapa atau nenek moyangnya yang terdahulu. Bapa saudara atau saudara lelaki isteri tersebut bertindak sebagai wakil keluarga atau penjaga agar harta pesaka tersebut sentiasa dijaga dan tidak dijual. Buapak dan Datuk lembaga juga memegang kuasa yang penuh ke atas tanah pesaka tersebut. Harta tersebut hanya boleh dijual apabila berada dalam situasi yang tertentu saja dan tiada pilihan lain. Perbilangan adat yang menunjukkan keadaan ini ialah;

Adat tak berdiri,
Rumah gadang ketirisan
Rando gadang tak bersuami,
mayat terbujur di tengah rumah.⁴⁹

Sekiranya harta pesaka ingin dijual, ianya mesti diberitahu kepada sukunya supaya jualan tanah itu jatuh kepada anggota suku itu juga. Sebolehnya tanah tersebut dijual kepada waris yang terdekat seperti aduk beradik atau sepupu. Adat tak berdiri bermakna adat tersebut telah dilanggar iaitu tidak dipatuhi lagi apabila rumah tidak mampu dibaiki lagi, seorang gadis memerlukan

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Samad Idris, "Demokrasi bermula dari Tanah Minang", Dewan Masyarakat, Jun, 1974, hal. 45.


sejumlah wang untuk perbelanjaan perkahwinan (perlu kerana gadis telah berusia agak lanjut) dan perlu wang untuk menguruskan kenduri kematian. Pendikata tanah tersebut boleh dijual apabila berada dalam keadaan yang sangat terdesak dan tiada sumber lain untuk mendapatkan wang. Segala ini dilakukan untuk menjaga maruah atau kedudukan sesebuah keluarga atau seseorang khasnya wanita, Walau bagaimana pun pada masa ini sebab penjualan tidak lagi seperti zaman dahulu. Kini tanah pesaka dijual kerana hanya itu saja cara penyelesaian yang mudah untuk mendamaikan perselisihan yang berlaku dikalangan keluarga. Tanah pesaka tersebut tidak begitu luas tetapi ahli keluarga yang berhak memilikinya adalah ramai, Oleh kerana itu cara untuk mengusahakan tanah tersebut sering menimbulkan masalah. Justeru itu adalah lebih baik menjualnya dan membahagikan wang hasil jualan tersebut sama rata di kalangan mereka. Permintaan terhadap tanah adalah tinggi dan harga yang ditawarkan begitu lumayan. Daripada tanah pesaka tersebut terbiar begitu berterusan, maka adalah lebih baik ia-nya dijual atau dibenarkan prang lain mengusahakannya.

Di dalam adat perpatih juga terkenal dengan pengumpulan harta. Pada masa dahulu, pengumpulan harta adalah dengan cara membuka tanah baru atau menebus diluar daripada kawasan perkampungan. Pembukaan tanah ini biasanya diketuai oleh seorang buapak atau Datuk lembaga. Namun masakini konsep pengumpulan harta dikalangan anggota adat perpatih telah jauh berbeza daripada dahulu. Masakini pengumpulan harta dilakukan melalui pelaburan saham di syarikat-

syarikat, pembelian tanah atau terlibat dalam bidang yang menguntungkan seperti perniagaan.

Di Alor Gajah, harta tanah yang didaftarkan terdapat dalam dua bentuk iaitu tanah pesaka dan tanah bukan pesaka. Tanah pesaka ini selalunya terdiri daripada tanah sawah dan tapak rumah. Tanah bukan pusaka pula boleh dimiliki oleh sesiapa saja samada lelaki atau perempuan dan selalunya merupakan harta carian ibu bapa yang diturunkan kepada anak-anak. Tanah ini apabila diturunkan kepada anak perempuan akan menjadi tanah pusaka kepada jenerasi perempuan tersebut. Tanah pesaka ini tidak boleh dipecahkan kepada beberapa hak milik dalam masa hidup pemilik tanah. Pemecahan ini boleh dilakukan selepas dua atau tiga jenerasi dan prosesnya memakan masa yang lama. Perkara ini enggan dilakukan oleh pegawai daerah pejabat tanah kerana ianya memerlukan persetujuan semua yang terlibat dalam pemilikan tanah tersebut. Contoh geran tanah bagi tanah pesaka dan tanah bukan pesaka boleh dilihat di bahagian lampiran.

Penerangan mengenai kedudukan tanah ini akan lebih jelas lagi jika dilihat pada rajah yang terdapat di sebelah.

Kedudukan harta pesaka.

Di dalam rajah di atas A adalah ibu kepada semua ahli keluarga tersebut. Tanah pesaka akan jatuh kepada B dan C. Tanah pesaka yang dimiliki oleh B akan diserahkan kepada anaknya D apabila B meninggal. Seterusnya tanah ini akan dipesakai oleh F dan G. Bagi tanah milik C pula, ianya akan dimiliki oleh E dan seterusnya H. Apabila D dan H meninggal, tanah milik D akan dibahagi antara F dan G. Sementara itu tanah H akan diberi kepada saudara mara perempuan yang terdekat iaitu E dan C. Di sini perkara yang ingin ditekankan ialah walaupun A telah menyerahkan tanah pesakanya kepada anak-anak perempuannya dan seterusnya kepada cucu-cucu perempuannya, namun nama yang tercatat di-

dalam buku daftar tanah ialah tetap nama A. Perkara ini berlaku adalah disebabkan proses menukar nama atas tanah pesaka adalah sukar dan memerlukan masa yang lama. Walau bagaimana pun, tanah tersebut masih boleh diusahakan dan dimakan hasilnya oleh F, G dan E. Cukai tanah A dan C dibayar oleh E kerana H dan D telah meninggal. Bagi cukai B pula, ianya dibayar oleh F dan G. Tanah E akan dibahagikan kepada anak-anak H apabila E meninggal. Tanah F dan G akan diserahkan kepada I kerana ia seorang saja waris perempuan.

Secara umumnya tanah pesaka ini terbahagi kepada dua iaitu harta pesaka benar/tinggi yang disebut tanah adat dan tanah pesaka rendah/kecil yang disebut tanah sendiri. Harta pesaka benar ialah harta kepunyaan waris dalam suku-suku dan diturun pada anak perempuan yang terlingkung oleh perbilangan;

Sawah yang berjenjang,
Pinang yang gayu,
Nyiur yang saka,
Lembaga yang punya.⁵¹

Tanah sendiri pula ialah segala jenis harta yang diwarisi oleh anak daripada orang tuanya sendiri. Walau bagaimana pun, semasa pemerintahan Inggeris, tanah estet telah mengikut Sistem Torren. Dalam sistem ini, susunan pentadbiran dan menentukan hak pemilikan harta dan pesaka diadakan tanpa mengikut mana-mana hukum adat walaupun adat perpatih dibenarkan diamalkan.

⁵¹ Ibid., hal.172.

(vii) SUSUNAN MASYARAKAT MELAYU DALAM WILAYAH ADAT PERPATIH NANING.

Adat perpatih merupakan institusi yang mengawal pelakuan kehidupan masyarakatnya. Berdasarkan kepada konsep utama dalam adat ini, corak kehidupan anggotanya adalah berbentuk nisab ibu. Ini menimbulkan satu nama iaitu suku (clan) yang merupakan teras pegangan masyarakat perpatih. Suku ialah satu kumpulan kaum yang mengikut nama asal mereka pada awal kedatangan dari Minangkabau ke Alor Gajah.


Bagi memudahkan melihat susunan masyarakat Melayu di Alor Gajah, ianya perlu dilihat dari yunit yang kecil sehingga yang besar. Urutan yunit dalam struktur masyarakat Melayu Alor Gajah ialah keluarga, perut, buapak, lembaga dan suku. Kesatuan kelompok manusia yang terkecil ialah keluarga. Keluarga terdiri ibu dan anak-anak yang dihitung dari garis keturunan ibu. Seluruh isi rumah ini akan membentuk beberapa keluarga dan gabungan dari kekeluargaan ini akan membentuk kekeluargaan yang lebih besar iaitu perut. Ahli dalam perut ini adalah berpunca dari satu sumber iaitu ibu yang sama dan ianya diketuai oleh saudara lelaki tertua daripada sebelah pihak ibu (mamak). Ketua ini dipanggil buapak.

Buapak ini dipilih oleh anak buah dalam perut dan buapak inilah yang bertanggungjawab terhadap segala perkara yang bersangkutan dengan soal pentadbiran dan pelakuan dalam perutnya.

Ahli-ahli dalam perut yang sama selalunya tinggal dalam rumah yang sama (aduk beradik). Jikalau ruangan dalam rumah itu tidak mencukupi kerana telah bertambah ahli keluarga, maka akan dibina lagi sebuah rumah yang berdekatan dengan rumah asal. Rumah-rumah tersebut adalah di atas tanah yang sama. Keadaan ini akhirnya membentuk sebuah perkampungan. Oleh kerana itu, penduduk asal sesebuah kampung terdiri dari satu perut (punca) yang sama. Lama kelamaan keadaan ini telah mula bertukar corak apabila keadaan ekonomi yang meleset menyebabkan ahli keluarga terpaksa keluar dari kampung tersebut. Faktor perkahwinan dengan orang luar juga merupakan salah satu sebab anggota perut terpaksa keluar dari perut asal mereka.

Walau bagaimana pun anggota perut yang telah keluar itu masih boleh mengaku yang dirinya berasal dari perut yang lama. Kekeluargaan yang besar ini akhirnya menyebabkan terdapatnya banyak perut yang mengaku datang dari nenek moyang yang sama. Keadaan ini kemudiannya membentuk suku. Tiap-tiap suku ada ketuanya sendiri iaitu Lembaga. Lembaga ini dipilih oleh anak-anak buah melalui buapak. Lembaga ini bertanggungjawab dalam segala hal yang berlaku dalam perut-perut yang bergabung dalam sukunya. Susunan masyarakat ini boleh dilihat seperti di dalam rajah di bawah;

Struktur masyarakat Melayu Alor Gajah



(i) Suku.

Suku adalah merupakan satu kesatuan iaitu gabungan dari beberapa perut yang masing-masing mengakui datang dari keturunan nenek moyang yang sama. Istilah suku ini asalnya bererti 'berperempat' kerana menurut Tambo Minangkabau terdapat empat suku di Minangkabau iaitu suku Koto, Piling, Budi dan Caniago.⁵² Suku-suku di Alor Gajah pula ialah Semelenggang, Mungkal, Tiga Batu dan Anak Melaka. Namun dikatakan pada awalnya suku yang empat ialah Semelenggang, Mungkal, Tiga Batu dan Tiga Nenek.⁵³ Anak Melaka tidak dikira lagi kerana ianya bukan dari suku Minangkabau tetapi adalah suku dari penduduk tempatan. Ianya dikatakan dianggotai oleh penduduk tempatan yang ingin memasuki adat perpatih di Alor Gajah.⁵⁴ Walau bagaimana pun akhirnya suku Anak Melaka ini diterima sebagai salah satu suku dalam adat perpatih dan bersama-sama suku Semelenggang, Mungkal, Tiga Batu membentuk 'empat suku'. Gabungan empat suku ini membentuk 'suku'.

Berdasarkan kepada sejarah, terdapat 12 suku di dalam adat perpatih. Suku-suku tersebut ialah Biduanda, Batu Hampar,

52 Abdullah Siddik, Op.cit., hal. II9 dan temubual dengan Encik Talid bin Jali pada 21 hb.

53 T.J.Newbold, Op.cit., Vol.I, hal. 238-9. Ada juga diterangkan suku-suku lain iaitu Batu Belang, Tiga Nenek, Biduanda tetapi tidak dijelaskan di dalam suku mana ianya berada.

54 Temubual dengan Undang Naning Mohd Shah bin Said pada 22 hb, Desember 1983.

Paya Kumbah, Mungkal, Tiga Batu, Tiga Nenek, Tanah Datar, Seri Melenggang, Seri Lemak, Batu Belang, Anak Melaka dan Anak Acheh. Diantara 12 suku tersebut, suku Biduanda merupakan suku yang mempunyai kedudukan yang istimewa kerana ia adalah suku penduduk asli. Dengan hal yang demikian, adalah wajar jika ia menjadi suku pusaka Undang. Ini diakui sendiri oleh Gullick yang menyatakan bahawa perkataan Biduanda bermakna 'sakai'.⁵⁵ Dua kemungkinan yang menyebabkan perkara ini berlaku iaitu perkahwinan antara anak perempuan ketua sakai dengan ketua suku-suku di Alor Gajah atau antara anak perempuan ketua sakai dengan penduduk Melayu Alor Gajah. Walau bagaimana pun suku Biduanda di Alor Gajah ini tidak dapat bertahan lama kerana ia nya telah digantikan dengan suku Semelenggang pada tahun 1703.⁵⁶ Megat Juara adalah penghulu pertama dari suku Semelenggang dan penghulu yang menjawat jawatan penghulu hingga ke hari ini adalah dari suku Semelenggang.⁵⁷ Suku ini terbahagi kepada beberapa cabang yang lebih kecil dipanggil 'carak'. Mulai tahun 1932 terdapat beberapa carak di dalam suku-suku di Alor Gajah. Ini boleh dilihat

55 J.M.Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hal.63.

56 T.J.Newbold, Op.cit., Vol.II, hal.217.

57 Suku Biduanda adalah suku Undang di Negeri Sembilan sementara suku Semelenggang adalah suku Undang di Naning (Alor Gajah). Sebenarnya suku Biduanda tiada di Wilayah Adat Perpatih Naning dan wujudnya suku ini di Naning adalah atas perbuatan Inggeris yang tersalah faham. Inggeris cuba menyamakan suku Undang antara Alor Gajah dengan Negeri Sembilan kerana tidak memahami kedudukan suku yang sebenarnya dalam adat perpatih. Temubual dengan Undang Naning Mohd Shah bin said pada 22 hb. Desember 1983.

seperti di dalam rajah di bawah;⁵⁸

Carak-carak yang terdapat di dalam suku-suku di Alor Gajah pada tahun 1832.

SUKU	CARAK
Semelenggang	Kampung Padang Tabuh Naning
Anak Melaka Tiga Batu Mungkal	Kampung Bukit Tiga Nenek Nisan Tinggi Bedara Kuala Ina

Suku-suku ini ^{le bahag} berubah kepada carak yang lebih banyak menjelang tahun 1969. Ini ditunjukkan di dalam rajah di bawah;

SUKU	CARAK
Semelenggang atau Semelenggang Tabuh	Batu Kikir Bunga Tanjung Air Hangat Melekek Naning Ampat Ibu
Anak Melaka	Paya Dalam Limau Purut Paya Kundangan Sungai Buluh Rembau Kampung Bukit Solok

⁵⁸ Dol Bahar bin Mohamad, "Beberapa aspek hubungan adat dan pentadbiran di Naning: 1900-1941-Unsur demokrasi", Latihan Ilmiah untuk tahun kepujian, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1973, hal. 35-6.

⁵⁹ W.E. Maxwell, "The law and Customs on the Malays with reference to the tenure of land", JSBRAS, No. 13, Singapore, 1884. Dipetik dari M.B. Hookers, Proceeding In Malay Adat Laws, Singapore Press, Singapore, 1970, hal. Bahagian pendahuluan.

Tiga Batu	Lubuk Kepung Kemus Peliang Chiniago Nisan Tinggi Cherana Putih Seri Ayer
Mungkal	Kemus Peliang Bedara Arogan Kuala Ina

Terdapat juga suku-suku lain di Naning seperti suku Tiga Nenek , Paya Kumbuh, Tanah Datar, Batu Hampar dan Biduanda. Suku Biduanda pula terbahagi kepada Biduanda Waris, Dagang, Segamat dan Rembau.⁶⁰ Ketua-ketua suku juga mempunyai gelaran yang tersendiri. Gelaran-gelaran tersebut adalah seperti berikut;

Gelaran bagi ketua suku.

61		62
Suku	Gelaran	Gelaran
Anak Melaka	Datuk Endiko	Datuk Maharaja
Tiga Batu	Datuk Embangin	Datuk Embangin
Semelenggang	Datuk Raja	Maharaja Nun Kaio
Mungkal	Datuk Kaya	Orang Kaio Kechil.

Nama carak adalah berasal dari tempat yang diterangkan oleh nama tersebut.

Nama ini diambil daripada alam, pokok dan kejadian alam. Ini tidak menghairankan kerana orang Melayu zaman tradisional terlalu percaya kepada kejadian alam. Kelompok carak menjalankan aktiviti di bawah ketua suku yang dipanggil Lembaga. Antara anggota suku hidup di dalam

⁶⁰ Ibid., hal. 349-50

⁶¹ P.J.Begbie, The Malayan Peninsula, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hal. 148.

⁶² T.J.Newbold, Op.cit., Vol.I, hal. 236.


keadaan baik dan saling kenal mengenal. Kesatuan anggota sesama suku dinyatakan oleh hubungan 'waris!'. 'Waris' akan menyatakan tentang hubungan antara anggota sesama suku dan antara anggota sesama anggota sendiri. Melalui perkataan 'waris' akan diketahui akan suku seseorang serta tempat tinggalnya. Pada zaman tradisional, setiap suku hidup di kawasan tertentu yang dikenali sebagai tanah lingkungan atau tanah telapakan atau lebih mudah disebut 'teratak'.

Namun keadaan ini telah berubah di masa penjajahan Inggeris. Ini disebabkan penduduk Minangkabau yang terdiri daripada empat suku telah berpecah kepada beberapa carak. Pemecahan suku-suku ini berlaku atas sebab yang sengaja dibuat untuk kepentingan orang Melayu juga. Selepas perang Naning, anggota sesama suku telah terpisah dan terpaksa tinggal di tempat yang lain, Untuk mengelakkan adat ini dari terus lenyap begitu saja, maka perlu diwujudkan satu nama baru dan menggunakan nama suku asal sebagai menunjukkan identiti mereka yang sebenarnya.

63

Carak ?

Tiap-tiap suku ini pula berpecah kepada beberapa kum-pula yang lebih kecil yang dipanggil 'perut'. Setengah penulis menyamakan perut dengan carak. Walau bagaimana pun hakikat yang senarnya ialah Carak ialah gabungan beberapa perut dan gabungan beberapa carak batu menjadi kelompok yang terbesar iaitu suku. Untuk melihat keadaan ini dengan jelas, sila lihat dalam rajah di bawah;



63 Temubual dengan Undang Naning Mohd Shah bin Said pada 22 hb. Desember 1983.

(ii) Perut.

Perut ialah sekelompok anggota masyarakat yang benar-benar mempunyai hubungan dan salasilah yang digalurkan dari lima generasi yang jelas. Perut ini sukar dijelaskan kerana seseorang anggota dalam satu-satu perut boleh menganggap diri masing-masing berasal dari punca atau ibu yang sama. Dakwaan ini boleh dilakukan sekiranya punca perut tersebut masih hidup. Punca perut di sini ialah nenek moyang yang sama. Apabila punca perut telah meninggal, maka perut telah berpecah dan bermakna bermulanya perut lain. Contohnya dalam satu keluarga terdapat terdapat empat orang anak perempuan (termasuk beberapa orang anak lelaki). Keempat-empat anak perempuan tersebut dikatakan berasal dari perut yang sama iaitu ibu yang sama. Apabila ibu tersebut meninggal, maka berlaku perpecahan dalam perut dan kini menjadi empat perut iaitu berdasarkan empat anak perempuan tadi. Sekiranya keempat-empat anak perempuan tadi mempunyai anak^{maka} / adalah dikira mereka berasal dari moyang yang sama.


Hubungan antara anggota satu-satu perut adalah jelas dan mudah dikesan susur gakurnya. Ketua perut digelar dengan panggilan buapak. Perut tidak bermakna setiap anggotanya mesti tinggal di suatu tempat yang sama. Setiap anggota perut boleh tinggal di mana-mana saja yang disukai tetapi pusat kelompok perut mereka ialah di rumah asal yang selalunya didiami oleh saudara yang tua. Anggota

perempuan yang tua akan tinggal dirumah asal ini sekiranya ia telah tua atau pun telah bercerai daripada suaminya. Perut ini pula biasanya dikaitkan samada dengan nama seseorang nenek atau nama tempat tinggal anggota perut itu. Keanggotaan ahli dalam perut ini tidak semestinya berdasarkan darah keturunan saja. Selain daripada keturunan pihak ibu, anggota perut juga boleh dilakukan melalui kelahiran dan proses mengambil anak angkat. Keanggotaan seseorang dalam satu-satu perut dan suku tidak boleh diubah dan mesti sama dengan pihak ibu. Keadaan kesukuan yang tetap ini jelas dalam perbilangan adat yang berbunyi;

Suku nan boleh dialih,
Malu tak boleh diagih.⁶⁴

Secara umumnya keterangan mengenai kedudukan suku dan perut dalam masyarakat Alor Gajah adalah seperti berikut;

Kedudukan suku dan perut dalam
komuniti masyarakat Melayu Alor Gajah.




⁶⁴ Temubual dengan Mulop bin Manan pada 24 hb Desember 1983.

Didalam rajah di sebelah dikatakan bahawa Z adalah dari suku Tiga Batu maka anak-anaknya iaitu Ani, Ana dan Ina adalah adalah juga dari suku Tiga batu . Ini adalah menurut prinsip adat perpatih Naning. Ini bermakna Z menghasilkan tiga, jurai keturunan yang membentuk tiga perut (Ahmad dikecualikan kerana anak lelaki tidak berhak mehdapat harta pesaka). Contoh diambil dari perut Ina. Ina menghasilkan empat orang anak perempuan yang kemudiannya membentuk empat perut iaitu G,H,I dan J :Walau bagaimana pun hanya J yang masih hidup. Juteru itu , hubungan antara anggota yang masih hidup adalah rapat dengan J. Hubungan di sini adalah hubungan darah kerana dari satu punca iaitu Ina. Namun anak-anak Ina hidup di dalam kelompok perut dan suku-suku masing-masing. ⁶⁵

Oleh itu adalah jelas bahawa kelompok sepangkal merangkumi beberapa buah perut dan hubungan salasilah yang lebih luas dari perut. Hubungan salasilah ini menjadikan orang-orang yang sedarah seketurunan. Mereka sedar bahawa mereka adalah dari satu perut yang sama namun selepas lima jenerasi mereka telah berpecah. Perpecahan ini berlaku adalah disebabkan perut asal telah meninggal dunia dan anak-anak daripada perut yang dilahirkan oleh perut asal tidak dapat lagi mengesan nenek moyang mereka.

⁶⁵ Untuk keterangan lebih lanjut, sila lihat Zainal Kling, Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara, latihan ilmiah untuk ijazah Sarjana, pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, hal. 50.

Dibawah ini disertakan rajah yang menunjukkan perut yang dapat dikesan walaupun telah melalui lima jenerasi.



Di dalam rajah ini, perut yang terhasil dari A ialah B,C,D dan E. Perut C mempunyai lima orang anak sementara perut D mempunyai hanya dua orang anak sementara E mempunyai tiga orang anak. Namun demikian hanya perut C dan D saja yang dapat mengesan asal usul nenek moyang mereka sehingga ke jenerasi yang ke tujuh. Anak-anak F tidak dapat menggsankerana ibu mereka telah meninggal. Hanya X saja yang masih hidup dan dikemukakansoalan. Walaupun ia seorang lelaki tetapi di sini peranannya adalah penting kerana kekuasaannya dalam kelompok perut yang kecil yang terhasil dari B,C,D dan E. Semuanya berasal dari punca yang sama iaitu A. Kuasa X yang terhad itu dipanggil 'perut buntu' atau kemulah tua yang bertindak sebagai buapak.

Satu perkara yang ketara dalam konteks ini ialah walaupun perut telah berpisah dan tinggal di tempat yang berlainan, hubungan antara mereka masih lagi berjalan dan saling mengunjungi. Semakin berkembangnya anggota perut, maka semakin jauh hubungan yang dirasakan.

Secara umumnya dalam adat perpatih, bolehlah dikatakan bahawa wanita memainkan peranan yang penting baik dalam soal pembahagian harta atau dalam sosial masyarakat. Buktinya keputusan yang dibuat untuk seseorang anggota suku terlebih dahulu dipersoalkan adakah di dalam perbincangan adat. Walau bagaimana pun, ini bukan bermakna pihak suami/lelaki tidak boleh mengeluarkan pendapat dan keputusan. Di dalam hubungan kekeluargaan, suami masih berada di tempat yang tertinggi. Kedudukan wanita yang tinggi sering menjadi bahan kritikan. Keadaan ini jelas dilihat seperti dalam rajah-rajah di atas.

(viii) PERBANDINGAN ANTARA ADAT PERPATIH DAN ADAT TEMENGGUNG.

